



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 663]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan [Ruangan 706]

Rang Undang-undang Kawalan Timah (Pindaan) [Ruangan 735]

Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan) [Ruangan 758]

Rang Undang-undang Tabung Pertahanan Negara (Pembubaran dan Pemindahan)
[Ruangan 769]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM – DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S.,
B.K.T., P.P.T. (Dilantik)
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH,
S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik)
- „ Lt. Kol. (P) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S.
(Dilantik)
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P.
(Dilantik)
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik)
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik)
- „ TOH MUDA DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M.
(Dilantik)
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)
- „ ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN
(Sarawak)
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik)
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik)
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik)
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- „ DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S, K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Pahang)
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik)
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM @ HASNAH FATIMAH BINTI
HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Trengganu)
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik)
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K.
(Pulau Pinang)
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah)
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)

Yang Berhormat TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik)

- ” TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan)
- ” TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak)
- ” DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)
- ” TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS, P.B.S. (Dilantik)
- ” TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik)
- ” CIK LIM SEAN LEAN @ LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik)
- ” DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang)
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)
- ” DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik)
- ” TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis)
- ” TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)
- ” TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka)
- ” PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka)
- ” TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik)
- ” DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN ROKIAH @ MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu)
- ” TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik)
- ” TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik)
- ” TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)
- ” TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik)
- ” TUAN WONG SENG CHOW, D.K.J.B., A.M.N., J.P. (Negri Sembilan)
- ” TAN SRI DATUK YEH PAO ISU, P.G.D.K., A.M.N. (Sabah)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 16hb April, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN—
PERTANYAAN**

**TUNTUTAN FILIPINA KE
ATAS SABAH**

1. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) setakat mana kedudukan penyelesaian di antara Filipina dengan Malaysia tentang tuntutan Filipina ke atas Sabah; dan
- (b) mengapakah pemimpin negara kita akhir-akhir ini tidak pernah melawat Filipina.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagaimana yang kita telah tegaskan masa-masa yang lalu, saya ingin menekankan sekali lagi bahawa kita tidak mengiktiraf apa yang dikatakan sebagai tuntutan oleh Filipina terhadap Sabah. Negeri Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia dan ini adalah atas kehendak rakyatnya sendiri yang ingin kemerdekaan dalam Malaysia dan di mana hasrat ini telahpun dibuktikan melalui pilihanraya demi pilihanraya yang diadakan berkali-kali di negara itu.

Sebagaimana yang kita sedia maklum dalam tahun 1977 ketika menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur, Presiden Marcos telah menyatakan di hadapan semua pemimpin-pemimpin ASEAN dan media masa antarabangsa bahawa Filipina akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menggugurkan tuntutannya itu. Malaysia mengalu-alukan sebarang langkah konkrit oleh Filipina menggugurkan tuntutan tersebut. Ini akan dapat mengeneipkan sebarang rintangan dalam usaha untuk memperbaiki hubungan dua hala dengan Filipina dan peningkatan kerjasama dalam ASEAN.

- (b) Mengenai anggapan bahawa pemimpin negara kita tidak pernah melawat Filipina akhir-akhir ini, ingin saya nyatakan bahawa anggapan tersebut tidaklah begitu benar. Menteri-menteri kita dan Deligasi-deligasi Parlimen Malaysia serta lain-lain deligasi ada membuat lawatan ke Filipina, baik dalam konteks ASEAN ataupun dalam konteks hubungan dua hala.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R.M. Jasni.

Tuan Basharon bin Hanapiah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 2.

**LPN—PEMBUKAAN TANAH BARU
UNTUK TANAMAN PADI**

2. Tuan Basharon bin Hanapiah (*dibawah S.O.23(2)*) minta Menteri

Perusahaan Awam menerangkan bahawa selain daripada mengimport, menyimpan dan membahagi-bahagikan beras, LPN juga bercadang menambah pengeluaran beras negara dengan menggalakkan pembukaan tanah-tanah baru yang sesuai dengan tanaman padi.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, LPN hanyalah terlibat di dalam soal pemasaran padi, tetapi tidak terlibat dalam soal pengeluaran padi. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Skim Subsidi Harga Padi oleh LPN secara tidak langsung telah menggalakkan para petani menambahkan pengeluaran mereka. Ini bererti secara khususnya LPN bukan bertujuan menambahkan pengeluaran padi dan dengan yang demikian, soal pembukaan tanah baru oleh LPN adalah tidak berbangkit.

ANAK SYARIKAT PKEN – MENSWASTAKAN

3. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau akan mengarahkan Kerajaan Negeri supaya anak-anak syarikat kepunyaan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri (P.K.E.N) diswastakan memandangkan dasar penswastakan Kerajaan amat sesuai dilaksanakan bagi anak-anak syarikat P.K.E.N.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan konsep Penswastakan yang sedang dijalankan oleh Kerajaan pada masa ini, Kementerian dan juga PKEN-PKEN sentiasa menimbang langkah-langkah bagi menswastakan projek-projek dan anak-anak syarikat PKEN-PKEN. Pada masa ini sejajar dengan tujuan penubuhannya sebagai agensi amanah untuk kaum Bumiputera, PKEN-PKEN telahpun melaksanakan konsep penswastakan dengan menjualkan syarikat-syarikatnya kepada pengusaha Bumiputera yang layak dan berminat.

Sehingga bulan Disember, 1983 sejumlah 47 buah syarikat milik PKEN-PKEN telahpun dijual kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera yang melibatkan jumlah ekuiti PKEN bernilai \$16,385,027.

Pada masa ini Kementerian sedang mendapatkan cadangan-cadangan daripada PKEN-PKEN mengenai bukan sahaja syarikat-syarikatnya yang boleh diswastakan, tetapi juga aktiviti-aktiviti lain seperti pelancongan, perladangan dan sebagainya yang pada masa ini dijalankan oleh PKEN-PKEN di mana program begini boleh dikaji untuk diswastakan.

BIL TELEFON – PENGGUNA TIDAK PUAS HATI

4. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengguna-pengguna telefon seringkali tidak puas hati dengan bil-bil telefon dan sama ada Kemeterian bercadang akan meletakkan meter telefon di rumah-rumah pengguna telefon.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, saya sememangnya sedar bahawa terdapat sebilangan pengguna-pengguna telefon yang tidak berpuasa hati dengan bil-bil telefon yang diterima oleh mereka, tetapi jumlah mereka ini tidaklah besar. Pada setiap bulan Jabatan Telekom Malaysia mengeluarkan tidak kurang daripada 649,102 bil telefon dan dari jumlah ini kira-kira 0.5% sahaja yang telah mengadu tentang ketidakpuasan panggilan bermeter yang dikenakan. Setiap aduan diterima itu akan disiasat dan diselidiki satu persatu dengan rapi dan semua peralatan serta talian di Ibusawat akan diuji. Setelah penyiasatan dibuat, cuma 0.03% sahaja yang merupakan aduan berasas. Keadaan sebenar berhubung dengan masalah bil-bil telefon adalah tidak buruk.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak bercadang untuk memasang meter-meter telefon di rumah-rumah pengguna oleh sebab untuk mengadakan meter di rumah adalah tidak ekonomik dari segi kos kerana bukan sahaja meter yang perlu dipasang di rumah, tetapi juga alat-alat yang berkenaan perlu dipasang di Ibusawat untuk tujuan tersebut.

Untuk mengatasi masalah ini, terutama sekali kos untuk mengadakan meter di rumah, Jabatan Telekom sedang mengkaji cara yang lebih ekonomik. Tindakan pertama ke arah itu ialah Jabatan Telekom akan mengadakan, dengan izin, "detailed billing" untuk panggilan antarabangsa, sebagai tindakan yang pertama. Jabatan Telekom juga sedang membuat projek printis untuk "detailed billing" bagi panggilan STD yang sedang dijalankan pada masa ini di beberapa kawasan.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bacaan meter yang pengguna-pengguna tidak puas-hati kerana meter itu kadang-kadang pakai sedikit tuntutan berganda-ganda.

Satu daripadanya yang tidak juga puas-hati bil-bil telefon yang telah dibayar katalah awal bulan April ini sudah dibayar di Pejabat Pos ataupun di Pejabat Telekom sendiri tetapi pada bulan depan bila datang bil baru tuntutan bulan April yang sudah dibayar ini pun masih ada lagi berekoran, berikut. Ini menjadikan keliru. Kadang-kadang kita pergi ke Pejabat Pos dia kata bulan dahulu belum bayar. Kita kata sudah bayar. Macam saya ini bil telefon apabila sudah bayar hantar pejabat Setiausaha Dewan Negara untuk tuntutan bayaran kembali, tidaklah saya dapat kemukakan bil-bil ini. Sekarang Pejabat Pos meminta pula resit-resit yang sudah dibayar itu. Kita tidak simpan resit. Dia berkendak pengakuan mana sudah bayar. Ini saya rasa satu perkara yang

tidak ada berlaku dalam bil-bil elektrik ataupun bil-bil air kerana bil-bil air apabila bulan ini sudah bayar, bulan hadapan tidak sebut lagi bulan yang sudah itu ada berekoran lagi.

Jadi, apakah tindakan yang dibuat oleh Kementerian ini berhubung dengan hal ini.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan yang dibangkitkan itu telahpun dibangkitkan di dalam debate membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini dan saya telahpun menjawab soalan itu.

Walau bagaimanapun, suka-lah saya memberi jawapan yang ringkas sahaja di sini iaitu mengikut amalan Jabatan Telekom bil-bil telefon adalah dibuat dalam masa 2 minggu berikutan dengan bulan yang tersebut. Jadi, sekiranya pada bulan April ini bil akan dihantar kepada pelanggan dalam masa 2 minggu pada bulan Mei dan adalah diharapkan supaya pelanggan-pelanggan yang menerima bil-bil supaya mereka membayar bil-bil mereka itu kalau boleh dalam masa satu minggu mereka menerima bil itu. Sekiranya mereka lewat bayar bil-bil yang mereka terima maka bil itu akan dimasukkan kepada bil pada bulan yang akan datang. Maka itulah kadang-kadang pelanggan-pelanggan rasa kurang puas-hati mengapa bayaran yang mereka telah bayar tidak di dalam bil mereka berikutnya disebabkan kelewatannya mereka membayar.

Jadi, saya merayu kepada pelanggan-pelanggan kalau boleh apalah sudinya mereka membayar bil-bil telefon mereka itu dalam masa seminggu iaitu 7 hari selepas mereka menerima bil-bil mereka dan sekiranya mereka membayar bil dalam lengkungan 7 hari itu, insya Allah, bil bulan itu tidak akan dimasukkan kepada bil mereka pada bulan yang akan datang. Tetapi kalau mereka membayar selepas daripada seminggu pada tarikh mereka menerima

bil itu maka oleh kerana proses-proses, cara-cara membuat bil ini begitu banyak maka tidak dapat dielakkan maka bil mereka pada bulan depan akan dimasukkan juga bil bulan mereka yang terdahulu daripada itu sungguhpun mereka sudah jelaskan.

Puan Nen Abidah binti Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian ini sedar bahawa sewa-sewa telefon adalah tidak sama antara satu sama lain. Jika ya, bila akan disamakan.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa sewa-sewa telefon ini memang berbeza di antara satu tempat ke satu tempat kerana tempat ibusawat dengan tempat pelanggan itu. Walau bagaimanapun, kadar ataupun tarif sewa ini sedang dikaji untuk mencerminkan keadaan yang lebih adil, yang lebih baik bagi memuaskan semua pihak.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Saya inigin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehkah ada kelonggaran sedikit kepada pelanggan-pelanggan telefon ini iaitu pembayarannya kata lewat jangan dipotong lekas sangat bila dipotong susah kita hendak sambung balik terutamanya kena pada diri saya sendiri lewat 2 hari sahaja sudah potong. Sedangkan depositnya kita bayar \$300.00, kena itu hanya \$78.00 sahaja, apa salahnya ada kelonggaran sedikit, tolak ansur dalam soal ini kerana kita tahulah dalam masalah-masalah ini terutama kepada Wakil-wakil Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara ini rasa saya sebak membuat kerja, terlupa. Adakah dibuat supaya mendapatkan kelonggaran sedikit kepada pegawai-pegawai yang berkenaan.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersimpati dengan Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah kerana

telefonnya telah dipotong dan sudah pasti itu akan mengganggu dan telahpun mengganggu kerja-kerja urusannya. Namun demikian, kadangkala sungguhpun Jabatan Telekom saya tidak begitu strict, tidak begitu inflexible, dengan izin, di dalam soal ini tetapi kadangkala kerana kita terpaksa pula mengutip dengan cara penuh disiplin wang-wang yang diterima oleh Jabatan Telekom maka kadang-kadang terpaksa lah berlakunya perkara-perkara yang sedemikian. Memang dari segi Jabatan Telekom kita memang tidak suka sekali memotong telefon-telefon pelanggan kerana kalau kita potong bermakna hasil tidak dapat. Jadi, kita amat suka pelanggan-pelanggan mempunyai telefon dan menggunakan telefonnya. Tetapi itulah kadang-kadang tidak dapat dielakkan oleh sebab yang tertentu maka terpaksa telefon mereka dipotong kerana sebab-sebab yang tertentu tetapi sukalah saya menyatakan di sini bahawa memang ada kelonggaran Jabatan Telekom di dalam hendak memotong dan memutuskan satu-satu telefon itu tindakan-tindakan yang sewajarnya diambil terlebih dahulu sebelum telefon itu dipotong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan D. P. Vijandran.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 5.

HARGA BUKU YANG DIIMPORT

5. Tuan Haji Shaharom bin Maasom (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menyelaras dan menurunkan harga buku-buku yang diimport.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memang menyelaras harga buku dengan mengawal kadar

pertukaran asing maksimun yang boleh dikenakan kepada pengimport dan peruncit buku-buku yang diimport dari Britain, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Hong Kong, India dan Indonesia.

Ini bermakna bahawa penjual-penjual buku import tidaklah seharusnya mengenakan kadar tukaran asing lebih daripada kadar yang diumumkan oleh Kementerian saya.

Kadar tukaran wang asing untuk buku-buku import dari tujuh buah negara itu akan diumumkan dua kali setahun, iaitu pada 1hb April dan 1hb September dalam sesuatu tahun.

Harga-harga buku impot sekarang didapati berpatutan. Kementerian saya baru-baru ini telahpun menolak suatu permohonan daripada Persatuan Pengimport Buku-buku Malaysia yang merayu supaya membenarkan mereka menaikkan harga buku.

IMPORT FILEM INDONESIA – MENGURANGKAN

6. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengenakan sekatan mengurangkan kemasukan filem-filem dari Indonesia supaya perusahaan filem dalam negeri dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sejarah perkembangan filem di Malaysia yang telah mempraktikkan satu dasar terbuka terhadap pengimportan filem telah menghasilkan satu kedudukan di mana banyak filem-filem dari luar negeri dimasukkan di negara ini. Dalam tahun 1982 lebih daripada 700 tajuk filem cereka dalam bentuk 35 mm telah diimport untuk mengisi lebih kurang 498 buah pawagam yang ada di negara ini. Dalam bidang ini juga Malaysia dalam tahun yang sama telah mengeluarkan tidak lebih dari 2% dari jumlah cereka yang ditayangkan. Ini tidak termasuk filem cereka dalam

bentuk 16 mm serta juga filem rencana yang keseluruhannya berjumlah lebih daripada 2,000 jodol yang diimportkan. Bilangan filem-filem Indonesia dalam jenis cereka yang dimasukkan dalam tahun yang sama adalah berjumlah 88 jodol iaitu lebih kurang 11.2% dari filem-filem yang ditayangkan.

Bagi memajukan filem-filem di Malaysia Kementerian saya adalah sedar bahawa kemasukan filem-filem dari luar negeri hendaklah dikurangkan secara berperingkat manakala pengeluaran filem-filem tempatan hendaklah diperbesarkan dari masa ke semasa. Satu daripada tujuh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia untuk diberi kuasa bagi mengenakan bayaran filem ke atas filem yang dimasukkan dalam negeri seperti di dalam Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 1984, yang akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini, adalah antara lain, bertujuan untuk mengawal kemasukan filem-filem dari luar negeri termasuklah Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan K. Kumaran.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

KAPALTERBANG AIRBUS MAS TERHEMPAS

7. Tuan Haji Latip bin Haji Dris (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (i) sebab-sebabnya sebuah pesawat Airbus MAS jatuh terhempas di Kampung Subang Bahru pada 17.12.83;
- (ii) jumlah gantirugi yang dibayar kepada penumpang-penumpang dan jumlah penumpang yang enggan menerima gantirugi serta menguruskan tindakan mahkamah; dan
- (iii) jumlah kos kerugian MAS akibat kemalangan Airbus itu.

19. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa banyakkah kerugian yang dialami oleh pihak MAS akibat nahas atas Pesawat Airbus A300 dan berapakah jumlah gantirugi yang dibayar oleh MAS kepada syarikat yang menyewakan pesawat tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar) Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini berserta dengan soalan No. 19 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd. Din Jaafar disebabkan kedua-dua soalan ini adalah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama, sebab-sebab kejadian terhempasnya kapalterbang Airbus MAS pada bulan Disember, 1983 itu belum dapat ditentukan kerana kerja-kerja menyiasat masih lagi berjalan dan laporan siasatan belum lagi disampaikan kepada Kementerian saya.

Jumlah ganti rugi yang telah dibayar oleh syarikat insuran melalui MAS kepada semua penumpang adalah sebanyak \$412,058.80 sen. Sungguhpun demikian terdapat sebilangan penumpang-penumpang yang tidak berpuas hati dengan pampasan yang diterima dan telah membuat tuntutan tambahan daripada MAS. Setakat ini belum ada penumpang-penumpang yang mengambil tindakan mahkamah terhadap MAS. Oleh kerana pesawat yang terhempas itu bukannya pesawat MAS maka MAS tidaklah mengalami kerugian dan segala pembayaran atau pampasan yang berhubung dengan hempasan Airbus tersebut adalah dibuat oleh pihak insuran.

Seperti yang saya perkatakan tadi, pesawat Airbus yang terhempas itu bukannya pesawat MAS tetapi disewa oleh MAS, dengan izin, dari Scandinavian Air System. Oleh hal yang demikian MAS tidaklah mengalami kerugian oleh kerana segala pembayaran atau pampasan yang

berhubung dengan hempasan Airbus tersebut adalah dibuat oleh pihak insuran. Pampasan-pampasan yang dibayar oleh pihak insuran kepada syarikat yang menyewakan pesawat tersebut adalah sebanyak US\$30 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Paramjit Singh.

Dato' S. Govindaraj: Tuan Haji di-Pertua, dengan izin, soalan No.8.

HAKIM TAMBAHAN DI MAHKAMAH AGONG

8. Dato' S. Govindaraj (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan melantik hakim-hakim tambahan disebabkan cadangan pembentukan Mahkamah Agung.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mengkaji dan akan mengambil tindakan-tindakan yang tertentu untuk menambah hakim-hakim.

BANK PERDAGANGAN - CAGARAN MEMBELI SAHAM ASN

9. Puan Hajjah Hafsa binti Othman minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membolehkan bank-bank perniagaan menerima barang-barang kemas sebagai cagaran untuk membeli saham-saham Amanah Saham Nasional; jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, bentuk cagaran yang diterima oleh pihak bank perdagangan bagi sesuatu pinjaman adalah tergantung kepada pihak bank perdagangan yang memberi pinjaman itu sendiri. Soalan sama ada bank-bank perdagangan boleh menerima barang-barang kemas sebagai cagaran untuk pinjaman, seperti cagaran yang lain, tergantunglah kepada budi-bicara dan kecekapan pihak bank dalam menilai cagaran

tersebut dan sama ada pihak bank ingin menjalankan perniagaannya seperti kedai pajak gadai.

PERKHIDMATAN KEBAJIKAN TERHADAP ORANG CACAT

10. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada Kementerian mempunyai dasar bahawa Kementerian bertanggungjawab sepenuhnya di atas pelajaran, latihan, pekerjaan dan lain-lain kebajikan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh orang-orang cacat; jika tidak, berikan sebab-sebabnya.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Perlembagaan Persekutuan perkhidmatan kebajikan adalah tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Di samping itu dasar Kerajaan Persekutuan buat masa ini adalah supaya menggalakkan orang ramai termasuk ibu bapa dan juga badan-badan kebajikan sukarela mengambil sedikit sebanyak tanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan kebajikan yang diperlukan bagi mereka yang kurang bernasib baik di negara kita ini. Dengan keadaan yang sedemikian maka Kementerian Kebajikan Masyarakat tidaklah bertanggungjawab sepenuhnya di atas segala perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan yang diperlukan oleh orang-orang cacat di negara ini.

PELATIH MALAYSIA KE JEPUN/KOREA

11. Tuan Haji Shaharom bin Maasom minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah orang-orang yang telah dihantar menjalani latihan teknikal dan pengurusan perniagaan di Negeri Jepun dan Korea sejak skim ini dimulakan hingga sekarang.

- (d) jumlah pelatih yang gagal; dan
- (c) sama ada benar ada pelatih yang telah tamat latihan balik ke negara ini tetapi tidak mendapat pekerjaan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, semenjak Dasar Pandang ke Timur dilancarkan, seramai 553 orang pelatih Malaysia yang terdiri dari kumpulan professional, semi-professional, pengajar, penyelia dan pekerja-pekerja teknikal dan industri telah dihantar menjalani latihan teknikal dan perindustrian di Jepun, manakala 103 orang pelatih telah menjalani latihan di Republik Korea.

Tempoh masa bagi pelatih-pelatih mengikuti latihan di kedua-dua buah negara itu ialah selama 6 bulan. Tidak ada pelatih-pelatih dihantar untuk mengikuti kursus pengurusan perniagaan di kedua-dua negara tersebut. Seramai 8 orang pelatih telah tidak dapat menamatkan latihan sepenuhnya dan terpaksa pulang ke tanahair atas sebab-sebab berikut:-

- (i) Sakit, 5 orang pelatih.
- (ii) Balik kerana keluarga meninggal dunia, 2 orang pelatih.
- (iii) Melanggar syarat-syarat perjanjian, seorang pelatih.

Kesemua pelatih telahpun mendapat pekerjaan. Walau bagaimanapun penempatan pekerjaan bagi 68 orang pelatih dalam Kumpulan II terdiri dari pelatih-pelatih HICOM hanya dapat dibuat pada 8hb Februari, 1984 baru-baru ini, sungguhpun mereka telah balik ke tanahair pada awal Oktober, 1983. Kelewatan ini berlaku kerana anak Syarikat HICOM iaitu "Pewajar" belum dapat memulakan operasi dengan sepenuhnya.

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

12. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dengan negara-negara manakah imbalan

perdagangan (balance of trade) menguntungkan negara kita dan sama ada beliau akan memperbaiki lagi perhubungan perdagangan dengan negara-negara ini dan mengurangkan perdagangan dengan negara-negara lain.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perangkaan luar Malaysia pada tahun 1982, kecuali dengan beberapa buah negara Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) seperti Belanda, Belgium, Denmark serta Eropah Timor, negara-negara lain di mana imbalan perdagangan menguntungkan Malaysia adalah terdiri daripada negara-negara membangun. Di sebaliknya, imbalan perdagangan dengan kebanyakan negara-negara maju seperti Jepun, Australia dan Amerika Syarikat mengalami kekurangan.

Walau bagaimanapun, kurangan perdagangan dengan sebahagian daripada rakan perdagangan kita tidak semestinya dilihat sebagai suatu perkembangan yang buruk. Umpamanya, kurangan perdagangan dengan negara Jepun adalah disebabkan Malaysia sedang pesat dalam proses pembangunan yang memerlukan import barangan modal seperti kelengkapan jentera pengangkutan dan perhubungan, bahan-bahan binaan serta jentera untuk sektor perkilangan dan pertanian. Dalam pembelian barangan modal tersebut, oleh kerana Malaysia mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas, pembeli-pembeli lazimnya membeli daripada pembekal pembekal cekap yang dapat membekalkan keperluan mereka dengan memuaskan. Begitu juga kita banyak mengimport bahan makanan seperti gandum, gula dan bahan-bahan tenusu daripada Australia oleh sebab Australia merupakan pembekal barang-barang pertanian tersebut yang paling cekap kepada Malaysia. Pembelian daripada sumber-sumber yang tercekap adalah penting untuk menentukan bahawa

import barangan modal sesuai dengan keperluan pembangunan negara serta juga supaya menentukan barangan pengguna yang diimport mempunyai harga dan mutu yang memuaskan. Oleh yang demikian, pengurangan perdagangan dengan negara-negara yang kita menghadapi kurangan akan memburukkan prestasi imbalan perdagangan Malaysia keseluruhannya kerana jika membuat demikian kita mungkin terpaksa membeli daripada negara-negara lain yang kurang cekap dan berkos tinggi. Lebih-lebih lagi dalam ekonomi pasaran bebas Kerajaan tidak dapat menentukan daripada negara mana sektor swasta mengimport keperluan mereka.

Oleh yang demikian, wujudnya keadaan di mana sesuatu negara mempunyai lebih perdagangan dengan setengah daripada rakan dagangannya dan kurangan perdagangan dengan yang lain adalah perkara biasa di bidang perdagangan antarabangsa, khususnya di kalangan negara-negara yang mengamalkan sistem perdagangan pasaran bebas seperti Malaysia. Di sini apa yang patut diutarakan adalah prestasi imbalan perdagangan luar Malaysia pada keseluruhannya dan bukan imbalan secara individu dengan negara tertentu. Dalam hubungan ini, perangkaan yang diperolehi menunjukkan Malaysia memperolehi lebih perdagangan luar sebanyak M\$2,198 juta ringgit pada tahun 1983 berbanding dengan kurangan perdagangan sebanyak M\$859.2 juta dalam tahun 1982.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya akan terus berusaha mendapatkan imbalan perdagangan keseluruhan yang lebih baik. Dengan tujuan ini, Kementerian akan terus menghantar rombongan perdagangan ke luar negeri, menjalankan kegiatan galakan eksport melalui pejabat-pejabat perdagangan di luar negeri, menyertai rundingan perdagangan berbagai hala untuk menentukan supaya pasaran bagi barangan eksport kita terbuka serta

memperlengkapkan para pengeksport kita dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang perdagangan antarabangsa. Di samping itu kita sedang menggalakkan eksport secara 'counter-trade', terutamanya dengan negara-negara yang menghadapi masalah pertukaran wang asing seperti Eropah Timor dan Amerika Latin.

BANK ISLAM – KEMUDAHAN

13. Dato' Chin Kim Yoong minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan orang-orang Islam dan bukan Islam yang menggunakan kemudahan Bank Islam.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir bulan Februari, 1984, jumlah pelanggan yang menyimpan di dalam Bank Islam adalah seramai 26,345 orang yang terdiri daripada 25,676 orang atau 97.5 peratus orang-orang Islam dan seramai 669 orang atau 2.5 peratus daripada orang-orang bukan Islam.

Daripada jumlah 25,676 orang Islam yang saya sebutkan tadi, seramai 2,450 orang menyimpan dalam akaun semasa, 20,122 orang dalam akaun simpanan, 3,103 orang dalam akaun pelaburan umum dan 1 orang dalam akaun pelaburan khas. Bagi penyimpan-penyimpan bukan Islam yang seramai 669 orang tadi, 270 orang menyimpan dalam akaun semasa, 334 orang dalam akaun simpanan dan 65 orang dalam akaun pelaburan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang terhormat Menteri, adakah pihak Kementerian ini sedar bahawa sebahagian daripada kakitangan-kakitangan dan eksekutif yang ada di Bank Islam adalah didapati daripada pelarian-pelarian pegawai-pegawai daripada bank-bank lain.

Oleh itu, banyak rungutan-rungutan yang kita terima yang dianggap daripada sumber-sumber yang boleh

dipercayai bahawa kakitangan-kakitangan ini tidak langsung melambangkan tutur kata sopan santun secara Islam kepada pelanggan-pelanggan. Oleh itu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak terutama Kementerian Kewangan dan khususnya Bank Islam ini terhadap menterbiahkan, dengan izin, pendidikan supaya melambangkan bahawa Bank Islam itu bukan pada bentuk dan namanya tetapi dari segi roh dan pelaksanaannya melambangkan kesucian Islam itu.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menghalang kalau sekiranya pegawai-pegawai daripada bank-bank lain pergi bertugas ke Bank Islam. Soalannya sama ada mereka ini bertutur secara Islam atau tidak, tidak timbul. Sama ada dia datang dari bank lain, dia datang dari negeri lain ataupun mana-mana organisasi, dia hendak bertutur secara Islam ataupun tidak, rasa saya tidak timbul walaupun dia ini datang dari tempat lain. Tetapi kalau sekiranya ada cara-cara bertutur Islam di dalam menjalankan bank, bolehlah dicadangkan supaya kita ambil ingatan.

Tetapi kalau sekiranya yang dikatakan tadi pegawai-pegawai ini tidak begitu memberi layanan kepada pelanggan-pelanggan, ini adalah tanggungjawab Bank itu sendiri supaya memastikan tiap-tiap pelanggan itu mempunyai layanan yang baik demi menjalankan bank itu sebagai satu organisasi yang seharusnya mencari keuntungan seperti juga lain-lain bank.

PENGUNAAN KOMPUTER DI SEKOLAH-SEKOLAH

14. Tuan Ibrahim bin Salleh minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada penggunaan komputer telah dijalankan di sekolah-sekolah dalam Malaysia:

- (a) jika ada, berapa buah sekolah yang telah menggunakannya; dan
- (b) jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sekarang ini belum lagi memulakan pendidikan mengenai komputer. Walau bagaimanapun usaha-usaha pendedahan terhadap pendidikan tersebut sedang dijalankan.

Buat masa ini sebilangan sekolah menengah di Malaysia sudah memiliki komputer bagi memenuhi aktiviti kelab komputer.

Dalam tinjauan kita menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 102 unit komputer di dalam 70 buah sekolah. Beberapa buah sekolah lagi sekarang sedang berusaha menubuhkan kelab-kelab komputer seperti yang dinyatakan.

PEJABAT PELAJARAN PAHANG

15. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan beliau akan ambil mengenai sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di Kuantan yang telah diubahsuai menjadi Pejabat Kerajaan sedangkan permohonan untuk membina sebuah SRJK (C) yang lain telah dibuat selama lapan tahun dahulu tetapi masih belum diluluskan sehingga sekarang.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah tersebut ialah Sekolah Rendah Kebangsaan Alor Akar, Kuantan dan bukannya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan.

Ianya telah diubahsuai untuk dijadikan Pejabat Pelajaran Pahang. Ini adalah merupakan langkah sementara sahaja untuk mengatasi kesempitan ruang bagi pejabat di Wisma Seri Pahang dan bangunan sekolah berkenaan akan dijadikan sekolah semula apabila bangunan Pejabat Pelajaran Pahang siap dibina kelak.

Berkaitan dengan soalan Ahli Yang Berhormat tentang pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina

(SRJKC) yang masih belum diluluskan itu, adalah di dapati kurang jelas daripada soalan kerana nama sekolah tidak disebutkan dan saya dengan ini tidak dapat memberi jawapan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat D. G. Pasamanickam.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 16.

PENDATANG HARAM INDONESIA

16. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masih terdapat pemaju-pemaju tanah dan perumahan yang masih menggunakan tenaga pendatang-pendatang haram Indonesia; jika sedar, nyatakan tindakan yang diambil mengenai perkara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak sedar bahawa terdapat pemaju-pemaju tanah dan perumahan yang menggunakan tenaga pendatang-pendatang haram dalam industri mereka.

Dalam pada itu pihak Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang yang ada sekarang terhadap mana-mana warga negara asing yang memasuki negara ini secara haram. Diantara tindakan tegas yang diambil oleh Kerajaan terhadap pendatang-pendatang haram ialah menangkap, mendakwa dan menghantar balik ke negara asal mereka. Untuk makluman Dewan yang mulia ini jumlah pendatang haram yang telah dihantar balik ke negara asal mereka bagi tahun 1981, 1982 dan 1983 adalah seperti berikut:

Tahun 1981 . .	6,336	orang
" 1982 . .	1,322	"
" 1983 . .	1,589	"

Kementerian Dalam Negeri juga akan terus mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana penduduk negara ini yang cuba membantu kemasukan pendatang haram ke negara ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dari segi, dengan izin, mobility tenaga-tenaga buruh terutama untuk menjayakan perusahaan-perusahaan ladang secara besar-besaran, rasanya memang ada keperluan untuk menggunakan tenaga-tenaga buruh sama ada dalam negeri dan jika kekurangan, memang sepatutnya kita sebagai asas rukun hidup berbaik-baik dengan negara-negara ASEAN boleh membantu kemasukan-kemasukan ini untuk menjayakan perusahaan-perusahaan kita terutama tenaga-tenaga buruh kasar.

Tetapi apakah tidak ada suatu pertalian hubungan secara antara Kerajaan dengan Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini supaya tidaklah begitu terdedah keadaan ini sehingga pendatang-pendatang haram yang tidak diingini dan juga kejadian-kejadian di mana mereka yang datang ini melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat dan liar di negara kita.

Sekiranya ada hubungan ASEAN dan pertukaran di bidang kebudayaan dan lain-lain, kenapa tidak ada saluran yang menjadi galakan dan jaminan pihak keselamatan Kerajaan kita untuk menyalurkan perkara ini. Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, dalam persoalan ini kita boleh mengeluarkan Pas Lawatan Bekerja Sementara kepada pekerja-pekerja asing yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang khusus dalam bidang-bidang tertentu atau dalam lapangan-lapangan seum-

pama sektor industri perladangan dan pembinaan.

MENDERA – MINGGU ORIENTASI DI INSTITUSI

17. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Pelajaran menjelaskan sama ada beliau sedar bahawa kegiatan luar mendera (ragging) dalam Minggu Orientasi di Institusi Pengajian Tinggi masih lagi dijalankan, jika sedar, apakah tindakan pihak Kementerian dalam perkara ini.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya tidak berlaku lagi kegiatan mendera (ragging) dalam minggu orientasi di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan. Sekiranya terjadi kejadian tersebut yang dilakukan oleh pelajar-pelajar lama ke atas pelajar-pelajar baru, maka pihak universiti berkenaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tata tertib ke atas pelajar-pelajar yang bertanggungjawab itu. Sebelum apa-apa tindakan dapat diambil, bukti-bukti tertentu perlulah diperolehi daripada pelajar-pelajar yang dikatakan kena dera itu.

Tuan Nasir bin Manap: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Biasanya tidak disebut ragging tetapi selalunya disebut Minggu Suaikenal tetapi maksudnya sama. Apa yang saya difahamkan apabila dikatakan Minggu Suaikenal, pelajar-pelajar baru masuk di maktab, pelajar-pelajar itulah berhadapan dengan pelajar-pelajar lama. Bentuk cara mendera sama ada disuruh menyanyi, kadang-kadang disuruh berlari, kadang-kadang apa benda sekalipun. Jadi bentuk yang begitu kita boleh fahamkan mendera daripada pelajar-pelajar lama kepada pelajar-pelajar baru, biasanya dibuat dalam masa seminggu atau dua minggu yang disebutkan Minggu Suaikenal. Tidakkah boleh Kementerian Pelajaran memansuhkan sahaja aktiviti kepada pelajar-pelajar yang baru masuk maktab dengan pelajar-pelajar lama. Jadi tidak timbul lagi masalah Minggu Suaikenal.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bagi pelajar-pelajar yang baru memasuki ke mana-mana universiti memerlukan panduan dan bimbingan daripada mereka yang berpengalaman yang sudah ada di mana-mana universiti. Dan di sinilah kita menganjurkan acara-acara ataupun majlis-majlis seperti orientasi ataupun Minggu Suaikenal. Tanpa kita berbuat begitu adalah memakan masa yang lama bagi pelajar-pelajar yang baru masuk itu untuk mengenal dan mengetahui selok belok belajar di universiti yang berbeza sekali dengan keadaan di sekolah-sekolah.

Sebenarnya, memang kita galakkan adanya perhubungan antara mereka yang baru masuk dengan yang sudah lama masuk di universiti-universiti dan sekiranya berlaku perkara-perkara yang melanggar tata tertib ataupun tata susila anjuran perjumpaan yang kita buat, ini hanya di peringkat (dengan izin) degree of severity ataupun dari segi tahap pengenalan ataupun yang dibuat itu sekiranya terlalu serius, maka baru dianggap ragging, tetapi setakat sendagurau, saya rasa ini memang menjadi amalan biasa di mana-mana universiti di merata dunia pun.

KRISIS DI LEBANON DAN IRAN/IRAQ – PERANAN MALAYSIA

18. Dato' S. Govindaraj minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membantu menyelesaikan krisis di Lebanon dan Iran/Iraq dan sekiranya ada, apakah perkembangan yang telah dicapai setakat ini dan sama ada Kerajaan akan meneruskan usaha ke atas tujuan ini.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, soal krisis di Asia Barat ini adalah sangat menyedihkan kita.

Soan ini sebenarnya ada dua, pertama krisis di Lebanon dan satu lagi krisis antara Iran-Iraq dan apakah daya

usaha kita untuk mencari penyelesaian. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, menyatakan di dalam soal krisis Lebanon, kita hendaklah memahami betul-betul bahawa dari rangka besarnya ada dua krisis. Pertama, krisis pendudukan Israel di bumi Lebanon dan juga pendudukan Syria di dalam Lebanon. Satu lagi krisis ialah perang saudara antara puak-puak yang beragama Syiah dan Druze bersama juga puak Islam yang lain yang kadang-kadang kala dituduh puak kiri – ini tak benar.

Di sebelah satu lagi dikatakan puak Kristian dari Maronite – Mazhab Maronite yang dikatakan puak kanan – inipun tak benar. Jadi krisis ini ada dua – krisis pendudukan Israel dan Syria di dalam Lebanon dan krisis perang saudara di dalam Lebanon. Tetapi pada hemat kita di Malaysia, punca krisis ini ialah pendudukan Israel di Palestin – yang lain hanya ekor. Jadi, di dalam mencari penyelesaian maka kita berpendapat adalah wajar kita mencari penyelesaian di Palestin kerana dengan adanya penyelesaian di Palestin iaitu pengunduran Israel dari Palestin, maka dengan sendirinya keadaan di Lebanon itu dapat diselesaikan kerana sudah dianggap oleh Syria apabila Israel masuk ke Palestin, kerana pada satu waktu dahulu Selatan Beirut itu adalah sebahagian daripada Palestin, maka dia menganggap, dan jelas sekarang terjadi, bahawa Israel akan masuk ke Selatan Lebanon – sekarang Israel sudah masuk – sebab itulah Syria masuk pula di Utara Lebanon kerana pada waktu dahulu, suatu waktu dahulu, memang Utara Lebanon itu sebahagian daripada negara Syria. Jadi untuk mencari penyelesaian ini bagi pihak Malaysia, kita daripada Kuala Lumpur dan juga sehingga kepada sidang Geneva membawa satu rangka penyelesaian apa yang dikatakan (dengan izin) “the plan of action” dan sudah diterima oleh seluruh dunia di Geneva, melainkan oleh mereka yang berpihak dengan Israel dengan dukacitanya saya mengatakan termasuk Amerika Syarikat yang tak datang pun ke sidang Geneva.

Jadi dalam usaha kita mencari penyelesaian ini, di sidang Casablanca baru-baru ini, saya dapat berkesempatan berjumpa beberapa kali dengan saudara Yasser Arafat bertanya benar-benar, sejauh mana dan bagaimana pihak PLO sanggup mencari penyelesaian ini dan apakah akas-akas dan dasar-dasarnya. Apabila sudah kita dapat segala perkara ini, saya sampaikan kepada pihak Amerika, bukan sahaja dari saya sendiri, bahkan Perdana Menteri kita sendiri waktu melawat di Amerika berjumpa dengan Reagan, beliau mengatakan apa juga yang telah disampaikan oleh Yasser Arafat kepada kita. Kita nampak cerah, sekiranya ada persetujuan dengan kerjasama daripada pihak Amerika.

Sebab itulah kita berusaha juga untuk memasukkan balik, kembalikan ke pangkuan OIC negara Mesir kerana dalam hemat Malaysia, Kerajaan kita, bahawa Mesir mempunyai peranan yang paling penting di dalam mencari penyelesaian ini bersama dengan Jordan, bersama dengan PLO. Maka inilah usaha-usaha kita iaitu di dalam mencari penyelesaian di Lebanon dengan menekankan penyelesaian pengunduran Israel daripada Palestin.

Soal Iran-Iraq, kita adalah sebahagian daripada anggota yang dilantik oleh OIC dalam satu pejumpaan tak lama dahulu menjadi anggota Jawatankuasa Pendamai dan di dalam Jawatankuasa itu di mana Perdana Menteri kita yang menjadi anggotanya, pihak kita bersama-sama dengan negara-negara lain menyumbangkan beberapa idea dan ini telah disampaikan kepada dua pihak, tetapi malangnya pada hari ini Chairman OIC meninggal dunia, iaitu almarhum Ahmad Sekou Touré. Jadi, kita menunggu arahan daripada OIC apakah yang patut kita buat masa ke hadapan ini tetapi usaha ini memang ada dua hari dahulu, saya berbincang dengan Menteri Luar Iran untuk mencari persefahaman benar-benar di mana kita boleh dapat cara-cara untuk

menyelesaikan satu pertikaian antara dua negara Islam yang sangat menyedihkan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Din Jaafar.

(Soalan No. 19 Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Din Jaafar tidak hadir)

KAKITANGAN KERAJAAN – PENYELEWENGAN DI RANCANGAN MUDA

20. Tuan Basharon Hanafiah minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar ada pegawai-pegawai Kerajaan yang bersubahat dengan Kontrektor-kontrektor yang menjalankan kerja mereka di dalam Rancangan MUDA atau MADA di Kedah untuk menipu Kerajaan dengan membiarkan Kontraktor-kontraktor yang tersebut menjalankan kerja-kerja mereka dengan tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan yang akibatnya kerja-kerja yang di-buat itu runtuh, pecah, retak dan lain-lain lagi; jika sedar apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memandang berat terhadap pegawai Kerajaan yang menyeleweng dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Jika Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat atau bukti bahawa ada pegawai-pegawai Kerajaan yang melakukan penyelewengan maka silalah memaklumkan kepada pihak berkuasa tertentu supaya siasatan lanjut dapat dijalankan dan tindakan tegas diambil terhadap mana-mana kakitangan yang tersabit kesalahan dengannya.

Tuan Basharon bin Hanapiah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapkan tarikh dan masa satu hari untuk bersama-sama dengan saya

pergi melihat tempat-tempat yang berkenaan.

Tuan Luhah Wan: Nanti saya beritahu dengan Ahli Yang Berhormat (*Ketawa*).

GARIS PANDUAN – KURIKULUM PRA SEKOLAH

21. Tuan Nasir bin Haji Manap minta Menteri Pelajaran menyatakan untuk mengawal dan fungsinya tidak terpesong dan bertindih malah kadang-kadang melampaui Kurikulum Baru Sekolah Rendah sama ada Garis Panduan/Kurikulum bagi semua Pra Sekolah sudahkah dilaksanakan; jika belum, bilakah akan dilaksanakan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, pendidikan Pra Sekolah secara langsung di luar daripada sistem pendidikan kebangsaan. Oleh itu, ianya tidak tertakluk di bawah Kementerian Pelajaran. Namun begitu, Kementerian saya memang sedar tentang perkara yang dibangkitkan ini dan langkah-langkah positif sedang diambil.

Pertama, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran telahpun menjalankan kajian selidik di seluruh negara bermula pada tahun 1981.

Kedua, berikutnya dua seminar kebangsaan telahpun diadakan khusus bagi membincangkan aspek-aspek utama yang berhubung dengan pendidikan Pra Sekolah yang di antaranya ialah Garis Panduan/Kurikulum Pendidikan Pra Sekolah dari sudut Kurikulum, undang-undang berkaitan dengan pendidikan Pra Sekolah.

Satu aspek penting yang turut sama diberi perhatian khusus ialah Kurikulum Latihan Guru Pendidikan Pra Sekolah kerana sebahagian besar kekesanan dan kejayaan pendidikan ini adalah bergantung kepada guru-guru yang dilatih melalui pendekatan dan pemikiran yang sesuai. Tidak ada gunanya kurikulum yang begitu lengkap serta dinamik jika pelaksanaannya iaitu kaedah penyampaian masih tebal dengan unsur-unsur tradisi.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soal Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) ini. Pagi tadi kita membaca dalam suratkhbar yang mana menyatakan sebilangan besar murid-murid di Kedah, ibubapanya telah membawa anaknya keluar, tidak mahu masukkan ke sekolah Kerajaan mereka ini pergi menghantar anak-anak mereka ke sekolah private ataupun swasta kerana tidak puas hati dengan keadaan KBSR yang menjalankan ini. Sama ada benarkah ataupun tidak apa yang dicakapkan atau diberitakan dalam suratkhbar hari ini, diminta tahu.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, pokok soalan ini ialah yang melibatkan Garis Panduan Kurikulum bagi semua Pra Sekolah ataupun Tadika dan lain-lain. Saya hanya menyebut kaedah KBSR dalam rangka menjawab. Dan oleh kerana soalan Ahli Yang Berhormat menyebutkan tentang KBSR dan masalah yang baru sahaja Ahli Yang Berhormat dapat mengetahui melalui akhbar, saya tidak bermaksud hendak menjawab soalan ini.

Tuan Nasir bin Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya bermaksud di antara Garis Panduan Pra Sekolah dengan sukatan pelajaran darjah satu. Walaupun kita masih memikirkan Garis Panduan Pra Sekolah itu tidak tertakluk kepada Kementerian Pelajaran tetapi hakikat ini perlu dan harus dikaji kerana di tiap-tiap Pra Sekolah masing-masing membuat Garis Panduan mereka tidak sama antara dengan Pra Sekolah yang lain. Dan kemungkinan Pra Sekolah itu diajar lebih tinggi lagi daripada murid-murid yang masuk ke sekolah rendah darjah satu. Maksud saya, tidakkah dapat Kementerian Pelajaran membuat Garis Panduan Pra Sekolah supaya murid-murid yang akan masuk darjah satu tidaklah terlampau tinggi pengetahuan yang dipelajarinya dan tidak rendah.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya

memang sedar masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya ingin menjelaskan dalam kita merangka tahap kurikulum pada tahun satu KBSR. Ini sebenarnya dikaji secara mendalam melalui satu penilaian sistematik yang sangat lama dan menyeluruh, seperti yang saya katakan di dalam jawapan tadi memang belum lagi kita mewujudkan suatu Garis Panduan ataupun Kurikulum yang standard bagi di peringkat Pra Sekolah. Maka dengan itu timbullah keadaan di mana di setengah-setengah Pra Sekolah diwujudkan pendidikan yang agak yang lebih tinggi daripada biasa dari segi kemampuan pemikiran kanak-kanak dan sebagainya. Dengan itu apabila kanak-kanak ini pergi masuk ke tahun satu kelas KBSR setengah ibubapa menganggap anak-anak mereka sudahpun pintar, sudahpun belajar daripada apa yang perlu diberikan di peringkat tahap tahun satu KBSR.

Saya ingin menjelaskan, kita sedang mengkaji hal ini maka dengan itulah satu kajian telah dibuat mengenai apa yang perlu kita gariskan kepada sistem Pra Sekolah yang ada untuk menyelaraskan semuanya ini selari dengan keperluan tahun satu KBSR.

JALANRAYA – MEMPERBAIKI MUTU

22. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jenis tar yang digunakan bagi mengetar jalanraya negeri kita ini tidak tahan apabila kena hujan terutama musim hujan yang panjang di mana jalan tersebut mudah pecah dan berlubang-lubang; jika sedar apakah tindakan bagi memperbaiki mutu jalanraya itu agar ia tahan lasak baik di musim panas mahupun di musim hujan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato') Dr. Nik Hussain bin Abdul Rahman)-Tuan Yang di-Pertua, jenis tar atau bitumen yang digunakan di negara kita ini adalah serupa dengan jenis yang

digunakan di negara-negara lain. Kerosakan jalanraya terutamanya dalam musim hujan adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain dan tidaklah boleh disalahkan kepada bitumen itu.

Walau bagaimanapun, satu daripada perkara-perkara yang sentiasa menjadi masalah dan sentiasa diawasi oleh Kementerian saya ialah tentang penggunaan batu-batu hancur yang dibekalkan oleh pihak kuari. Sekiranya batu-batu hancur ini tidak sesuai dengan bitumen itu maka timbullah masalah lekatan (cohesion), dengan izin, di antara dua jenis bahan ini. Yang demikian Kementerian saya menggalakkan penggunaan bahan-bahan anti-stripping, dengan izin, atau cement dalam campuran premix supaya masalah lekatan dapat diatasi. Sungguhpun cara ini memakan belanja lebih sedikit, tetapi saya harap penggunaan menjadi berluasa supaya mutu pembinaan jalanraya-jalanraya di negara kita menjadi tinggi.

PERUNTUKAN LPBT/LPK KEPADA SEKOLAH RENDAH/MENENGAH

23. Tuan Haji Mohamed bin Yahya minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa peruntukan LPBT/LPK kepada sekolah-sekolah Rendah dan Menengah yang ada sekarang tidak mencukupi untuk membiayai mata pelajaran yang tiada disediakan peruntukan malah untuk membayar Api, Air dan Telefon pun tidak mencukupi dan bilakah Kementerian Pelajaran akan mengkaji semula pemberian peruntukan LPBT/LPK kepada sekolah-sekolah.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan LPBT/LPK yang diberikan ke Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah adalah mengikut perkiraan iaitu berdasarkan kepada bilangan murid. Dalam tahun 1982 dan 1983 akibat daripada kemelesetan ekonomi, Kementerian saya telah menjalankan beberapa langkah jimat-cermat.

Pada tahun 1982 bagi suku tahun keempat pembayaran bantuan per kapita tidak dibayar kepada sekolah-sekolah yang bilangan muridnya 250 orang ke atas. Lanjutan daripada kadar ini pada tahun 1983, Kementerian saya terpaksa menyesuaikan peruntukan yang diterima dengan keperluan yang ada.

Pada tahun 1983 pemberian bantuan LPBT/LPK adalah diberi dengan kadar penuh kepada Sekolah-sekolah Rendah, Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Vokasional.

Pengurangan pemberian bantuan LPBT/LPK terpaksa dibuat kepada Sekolah Menengah yang mempunyai bilangan murid yang melebihi 750 orang iaitu tiap-tiap murid tambahan akan menerima \$4.00 seorang dan tidak \$7.00 seorang. Amalan yang sama adalah dikekalkan pada tahun ini.

Kementerian saya memang menyedari kesulitan yang dihadapi oleh Sekolah-sekolah yang tidak mendapat peruntukan LPBT/LPK yang mencukupi. Kajian semula pemberian peruntukan LPBT/LPK kepada sekolah-sekolah telahpun dibuat oleh Kementerian saya dan dikemukakan kepada pihak Perbendaharaan. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak dapat dilaksanakan memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi yang berlarutan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan-bantuan untuk mata pelajaran adalah diberi khas dan tidak termasuk dalam bantuan LPBT/LPK kecuali untuk mata pelajaran jasmani, muzik dan agama.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, rakyat di negara seluruhnya bersempati di atas dasar kemelesetan ekonomi dan bersempati dengan Kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran ini untuk menjimat, mengurangkan peruntukan-peruntukan dan berbagai-bagai lagi di sekolah-sekolah. Tetapi lebih sakit lagi pada pandangan dan pada bahu yang memikul oleh yang melihat kerana terdapatnya pembelian-pembelian

barang-barang yang berlebih-lebihan ataupun mutu barang-barang seperti katalah pembelian alat-alat kerusi, meja dan sebagainya di sekolah-sekolah ini kadang-kadang terdapat 6 bulan dipakai semua kerusi patah, meja-meja murid rosak dan sebagainya. Begitu juga pembelian alat-alat yang tidak begitu terkawal yang tidak digunakan oleh murid-murid dibuat oleh pihak-pihak sekolah. Adakah pihak Kementerian akan menambahkan lawatannya, penyeliaanya terhadap perkara-perkara ini yang terdapat di sekolah-sekolah di seluruh negara demi menjaga kebaikan dan juga dasar penjimatan itu, kalau tidak keadaannya akan bertambah dasyat lagi. Minta penjelasan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kurang berapa bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat di sekolah-sekolah terdapat barang-barang yang berlebihan, alat-alat yang tidak terkawal. Mungkin juga terdapat di setengah-setengah sekolah kerusi-kerusi yang sudah lama dan sudahpun sepatutnya dimansuhkan dari segi rekod masih disimpan di sekolah-sekolah. Jadi pada pandangan ibubapa mungkin dianggarkan barang-barang ini oleh kerana tidak dibuang sebenarnya ditinggalkan begitu sahaja tanpa kawalan. Dari segi penyelarasan dan penyeliaan memang kita mempunyai beberapa sistem di bawah Kementerian yang membolehkan penyeliaan yang rapi seperti adanya Bahagian Naziran sekarang ini apatah lagi dengan wujudnya Pejabat Pelajaran Daerah yang dianggotai oleh pegawai-pegawai yang menjaga bidang-bidang khusus mengenai kebajikan dan perjalanan sekolah. Jadi, dengan adanya struktur seperti yang saya katakan sudah tentulah dari segi penyelarasan dan penyeliaan ini akan dapat kita lakukan dengan serapai-rapi yang boleh dan pihak Kementerian memandangkan adalah berjalan dengan memuaskan.

Tuan K. Kumaran: Soalan tambahan. Adakah atau tidak sebuah sekolah

menengah di kawasan Hilir Perak, di Perak memaksa murid-murid untuk membayar 20 sen tiap-tiap bulan untuk membayar bil elektrik, dan jika ya, apakah tindakan akan diambil?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Saya percaya Ahli Yang Berhormat mengemukakan masalah ini kerana terbaca di dalam akhbar pada hari ini. Sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh memberi butiran yang lebih lanjut dapatlah saya memberi penjelasan yang sejelas-jelasnya.

WANG TABUNG ANGKATAN TENTERA UNTUK MEMBELI RUMAH

24. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan tabung Angkatan Tentera bercadang hendak membenarkan tentera mengeluarkan sebahagian dari wang tabung mereka, iaitu seperti 10% dari harga rumah atau 45% dari wang caruman mereka bagi membolehkan seseorang anggota tentera itu membeli sebuah rumah seperti kelonggaran yang diberi kepada pencarum-pencarum EPF sekarang.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Buat masa ini Tabung Angkatan Tentera sedang menimbang dengan teliti cadangan bagi membolehkan seseorang anggota tentera yang menjadi pencarum mengeluarkan sebahagian daripada wang tabungnya untuk membeli rumah seperti yang diamalkan oleh pihak EPF sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Wan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 25.

KAPAL TERBANG "FOKKER FRIENDSHIP" – BILANGAN

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom (*di bawah S.O.23(2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan kapal terbang jenis "Fokker Friendship" yang ada sekarang ini yang sedang digunakan oleh MAS bagi perkhidmatan dalam negeri, berapakah usianya, dan tidakkah pihak yang berkenaan bercadang hendak menambah ataupun menggantikannya; dan juga nyatakan sama ada perkhidmatan MAS di dalam negeri menguntungkan dan berapakah keuntungannya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, MAS sekarang mempunyai sebanyak 11 Fokker 27 ataupun Fokker Friendship yang digunakan dalam perkhidmatan dalam negeri dan umur pesawat-pesawat ini adalah di antara 3 hingga 12 tahun. Pada masa ini MAS tidak ada rancangan untuk menambah pesawat jenis Fokker 27. Sungguhpun begitu MAS sentiasa berusaha untuk meningkatkan perkhidmatannya dan selaras dengan tujuan ini MAS sedang mengkaji jenis-jenis pesawat baharu yang lebih sesuai dari segi ekonomi, operasi dan keselesaan penumpang-penumpang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini MAS telah memperolehi keuntungan bagi perkhidmatan di dalam negeri pada tahun-tahun permulaan operasinya. Walau bagaimanapun, sejak kenaikan harga minyak beberapa tahun kebelakangan ini perkhidmatan MAS dalam negeri telah mengalami kerugian. Sungguhpun begitu pada keseluruhannya MAS telah memperolehi keuntungan pada tiap-tiap tahun sejak permulaannya kecuali tahun kewangan 1981/1982. Keuntungan-keuntungan ini diperolehi dari berbagai sumber pendapatan seperti perkhidmatan-perkhidmatan antarabangsa, perkhidmatan ground handling dan juga charter.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 dan 26 hingga 38 adalah diberi dibawah ini).

AIRBUS MAS TERHEMPAS – KERUGIAN

19. Datuk Haji Mohd. Din Jaafar minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa banyakkah kerugian yang dialami oleh pihak MAS akibat nahas atas Pesawat Airbus A300 dan berapakah jumlah ganjaran yang dibayar oleh MAS kepada syarikat yang menyewakan pesawat tersebut.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum pesawat Airbus yang terhempas itu bukannya pesawat MAS tetapi disewa oleh MAS dari Scandinavian Air System. Oleh yang demikian, MAS tidaklah mengalami kerugian oleh kerana segala pembayaran atau pampasan yang berhubung dengan hempasan Airbus tersebut adalah dibuat oleh pihak insuran. Pampasan yang dibayar oleh pihak insuran kepada syarikat yang menyewakan pesawat tersebut adalah sebanyak US\$30 juta.

TENDER KEPADA KONTRAKTOR BUMIPUTERA

26. Puan Hajjah Hafsah binti Othman minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan memastikan supaya tender-tender yang berjumlah lebih daripada \$100,000/- sekurang-kurang 30% diperolehi oleh Kontraktor Bumiputera.

Dato' Sabbaruddin Chik: Kerajaan telahpun mengadakan dasar keutamaan kepada kontrak-kontrak kerja untuk Bumiputera semenjak bulan Jun 1974. Dasar tersebut ialah 30% daripada nilai kerja-kerja binaan, selain dari kerja-kerja yang dijalankan sendiri oleh Jabatan Kerja Raya dan lain-lain Jabatan Persekutuan dan Negeri adalah dikhaskan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera untuk ditan-

dingi diantara mereka sahaja. (30% daripada nilai kerja-kerja yang dimaksudkan itu ialah 30% daripada nilai kerja-kerja yang hendak dilaksanakan pada satu-satu tahun sementara itu bagi kesemua kerja-kerja yang nilainya kurang daripada \$50,000/- telah dikhaskan untuk ditawarkan dikalangan pemborong-pemborong Bumiputera sahaja.

Arahan ini adalah merupakan salah satu cara untuk menentukan yang tender-tender yang berjumlah lebih daripada \$100,000/- sekurang-kurangnya 30% diperolehi oleh Kontraktor Bumiputera.

MURID SEKOLAH KE ASRAMA PENUH

27. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Pelajaran menyatakan faktor-faktor yang diambil kira untuk pengambilan murid-murid sekolah rendah ke Sekolah Menengah Berasrama Penuh.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Nilaitara yang digunakan oleh Kementerian Pelajaran bagi pemilihan murid-murid ke Sekolah Berasrama Penuh adalah berdasarkan kepada gabungan faktor-faktor berikut:-

1. keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima;
2. taraf persekitaran sekolah murid; dan
3. latarbelakang sosio-ekonomi ibubapa.

Mengikut kaedah ini, setiap sekolah rendah ditarafkan kepada kategori-kategori tertentu berdasarkan kepada prestasi akademiknya selama tiga tahun dan juga kedudukan persekitaran sekolah.

Pemilihan sebenar adalah berdasarkan merit hasil gabungan mata perolehan bagi latar belakang sosio-ekonomi ibubapa yang diperolehi dengan cara matriks digabungkan dengan markah kasar keputusan Peperiksaan Darjah Lima.

JUNIOR COLLEGE SWASTA – PENUBUHAN

Tuan Mohd. Yusoff Bin Kassim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai penuntut-penuntut kita pergi belajar di luar negeri dari peringkat 'A' level walaupun mereka telah lulus SPM dan sama ada beliau akan membenarkan penubuhan Junior College swasta bagi mereka dengan tujuan mengurangkan perbelanjaan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Kementerian Pelajaran memanglah sedar bahawa terdapat sebilangan besar juga daripada penuntut-penuntut kita yang melanjutkan pelajaran di peringkat 'A' ('A' level) di institusi-institusi pelajaran tinggi di seberang laut pada tiap-tiap tahun.

Pendidikan peringkat 'A' di United Kingdom adalah sama tarafnya dengan HSC/STPM di negara ini. Dengan kata lain kursus-kursus di peringkat 'A' samalah dengan kursus dua tahun yang ditawarkan dalam Tingkatan Enam Rendah dan Atas dalam sistem Kebangsaan kita. Oleh itu tidaklah menjadi satu kesalahan, malah ianya satu perkembangan biasa sahaja jika selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) penuntut-penuntut terus ke seberang laut membuat 'A' level, terutama bagi ibu bapa yang berkemampuan untuk membiayai pelajaran anak-anak mereka di luar negeri. Tambahan pula jika seseorang calon itu lulus peringkat 'A' lulus peringkat 'A' adalah lebih mudah baginya untuk mendapat tempat belajar di Universiti-universiti di sana serta mudah bersaing dengan penuntut-penuntut tempatan.

Mengenai penubuhan Junior College Swasta bagi menampung keperluan pelajar-pelajar pra-universiti, Kementerian Pelajaran buat masa ini merasakan bahawa kekurangan tersebut adalah mampu diatasi oleh beberapa program pendidikan yang sedang berjalan, seperti kelas Tingkatan VI dan kelas Matrikulasi.

29. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan bilangan peserta yang terlibat dalam rancangan pertukaran belia ke negara-negara lain mengikut pecahan kaum.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Berdasarkan kepada perangkaan 1980-1983, seramai 501 orang belia telah mengikuti rancangan pertukaran belia ke negara-negara lain. Pecahan mengikut kaum adalah:-

Melayu	-	325	orang
Cina	-	116	"
India	-	57	"
Lain-lain	-	3	"

GURU BAHASA INGGERIS – KEKURANGAN

30. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa sekolah-sekolah di Malaysia akan menghadapi kekurangan Guru-guru Bahasa Inggeris pada masa hadapan; jika sedar, apakah langkah yang sedang dan akan diambil bagi mengatasinya.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Pada masa ini sekolah-sekolah khususnya sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah rendah tidak menghadapi kekurangan guru Bahasa Inggeris.

Di peringkat Sekolah Menengah Atas mungkin terdapat kekurangan guru siswazah yang benar-benar layak mengajar Bahasa Inggeris ini dipenuhi dengan guru-guru yang bukan siswazah tetapi mempunyai kemampuan dan pengalaman mengajar Bahasa Inggeris di peringkat menengah atas. Dalam hal ini juga dari kalangan seramai 1488 orang guru siswazah yang mengajar Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Atas, 1014 orang adalah guru-guru yang mempunyai kelayakan (opsyen) Bahasa Inggeris. Kementerian Pelajaran telah dan sedang mengendalikan kursus-kursus 'conversion' kepada guru-guru

siswazah yang tidak mempunyai 'opsyen' Bahasa Inggeris supaya mereka dapat mengajar Bahasa Inggeris lebih berkesan lagi di sekolah-sekolah menengah atau melalui kursus-kursus dalam perkhidmatan.

CARCOSA – PENGAMBILAN BALIK KERAJAAN

31. Toh Muda Dr. Abdullah Fazil Che Wan minta Perdana Menteri menyatakan apakah pendirian dan tindakan Kerajaan tentang mengambil balik Bukit Carcosa daripada Kerajaan British.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Perkara mengambil balik Bukit Carcosa daripada Kerajaan British adalah di dalam perhatian Kerajaan.

PERTANIAN DI THAILAND – KAJIAN

32. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau berminat untuk mengkaji teknologi pertanian dari negara jiran kita Thailand yang mana mutu pertanian Thailand lebih berjaya kalau dibandingkan dengan negara kita.

Tuan Luhut Wan: Kerajaan dari masa ke semasa sentiasa mengkaji dan mengikuti perkembangan teknologi-teknologi pertanian di negara Thailand dan juga negara-negara lain. Mana-mana bidang teknologi yang difikirkan sesuai untuk amalan tempatan akan digunakan bagi membantu usaha-usaha petani ke arah meninggikan daya pengeluaran hasil ladang.

BUMIPUTERA DALAM DASAR EKONOMI BARU – PENYERTAAN

33. Tuan Ahmad bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan apakah jaminan Kerajaan supaya matlamat Dasar Ekonomi Baru terutama mengenai penyertaan Bumiputera dalam perniagaan, perusahaan equiti dan perindustrian dapat dicapai pada tahun 1990; jika tidak, apakah langkah-

langkah dan strategi Kerajaan untuk menjaminkan dasar tersebut sampai ke matlamatnya.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Jawapan kepada soalan ini sebenarnya terkandung di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Pada 17hb hingga 19hb April akan datang, Dewan ini akan berpeluang membincang dan membangkitkan perkara-perkara yang dinyatakan dari Kajian tersebut semasa perbahasan. Dengan yang demikian, saya memohon izin supaya Ahli Yang Berhormat itu membangkitkan soalan seperti ini semasa dalam perbahasan berkenaan, sekiranya Yang Berhormat masih belum berpuas hati dengan penerangan yang telah diberi oleh Kerajaan dalam dokumen tersebut.

DADAH – KAWALAN KEMASUKAN

34. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil rundingan mengenai kawalan kemasukan dadah dalam lawatan Timbalan Perdana Menteri Thailand ke Malaysia baru-baru ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Kedua-dua Timbalan Perdana Menteri telah menyentuh soal dadah secara am dalam konteks bertukar-tukar fikiran dan pengalaman negara masing-masing. Mereka telah mengambil perhatian kepada pengeluaran bunga popi dewasa ini yang mengikut lapuran telah meningkat 30% daripada pengeluaran tahun dahulu. Mereka juga telah mengkaji secara sepintas lalu kerjasama antara Malaysia dan Thailand dalam hal ini, yang setakat ini adalah memuaskan, dan melafazkan keazaman mereka untuk meningkatkan lagi kerjasama ini.

PERMIT TEKSI/LORI KETURUNAN INDIA

35. Tuan D.P. Vijandran minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (i) bilangan permit-permit teksi yang telah dikeluarkan setakat ini;
- (ii) bilangan permit-permit teksi yang dipegang oleh rakyat Malaysia keturunan India;
- (iii) bilangan permit-permit lori yang telah dikeluarkan setakat ini; dan
- (iv) bilangan permit-permit lori yang dipegang oleh rakyat Malaysia keturunan India.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Bilangan permit teksi yang telah dikeluarkan setakat ini iaitu sehingga akhir bulan Februari, 1984 ialah sebanyak 23,834. Daripada bilangan ini, sebanyak 1,481 permit adalah dipegang oleh rakyat Malaysia keturunan India.

Bagi permit lori pula, sebanyak 16,210 permit lori A dan 69,340 permit lori C telah dikeluarkan setakat akhir bulan Februari 1984. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,623 permit lori A dan 57,865 permit lori C adalah dipegang oleh bukan bumiputra termasuk yang dipegang oleh rakyat Malaysia keturunan India. Buat masa ini Kementerian saya sedang meneliti bilangan sebenar permit lori yang khususnya dipegang oleh rakyat keturunan India, kerana dimasa yang lepas tidak ada rekod-rekod mengenainya. Walau bagaimanapun, sukalah juga saya memaklumkan bahawa jumlah permohonan permit lori yang diterima dari rakyat keturunan India tidaklah sebegitu banyak sekiranya dibandingkan dengan jumlah permohonan dari rakyat keturunan Melayu dan Cina.

PEMBORONG BERAS - PENYELEWENGAN

36. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lesen beras yang masih dimiliki oleh pengilang-pengilang padi telah menyebabkan penyelewengan terhadap lesen pemborong beras mengenai gred

beras A.1 dan B.1 di pasaran dan jika sedar apakah tindakan Kementerian akan ambil.

Datin Paduka Rafidah Aziz Mengikut Akta LPN, pengilang-pengilang adalah diperlukan mendapat lesen beras borong terlebih dahulu sebelum mereka boleh menjalankan sebarang urusaniaga ke atas sebarang beras yang dikisar oleh mereka itu.

Tidak dinafikan bahawa sememangnya terdapat pengilang-pengilang yang melakukan penyelewengan ke atas gred-gred beras yang didagangkan oleh mereka, tetapi penyelewengan begini tidaklah terhad kepada pengilang-pengilang sahaja oleh kerana ia-nya juga berlaku di peringkat pemborong dan peruncit. Walau bagaimanapun jumlah kes penyelewengan adalah tidak besar.

Bagi mengatasi masalah ini, LPN sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas pengilang, pemborong dan peruncit untuk memastikan bahawa mutu gred beras dijual adalah menurut Perintah Beras (Kawalan Harga), 1974. Di dalam tahun 1983 sahaja sebanyak 1,345 kali pemeriksaan telah dijalankan ke atas kilang-kilang padi dan lebih daripada 350 pemeriksaan telah dijalankan dalam tahun 1984.

Di samping itu sekatan-sekatan jalanraya juga diadakan untuk memeriksa ketulenan gred-gred beras kepunyaan pengilang-pengilang yang dibawa dengan lori bagi tujuan dagangan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini semenjak 1981 hingga 31.3.1984 seramai 20 pengilang-pengilang telah dihadapkan ke Mahkamah kerana kesalahan memberi gred beras yang palsu.

PAKAIAN POLIS - KAWALAN

37. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa ada kejadian tipu, merompak dan membunuh dengan memakai pakaian anggota Polis yang lengkap

dari orang-orang awam dan sama ada perkara ini berpunca dari tidak ada kawalan ketat di atas pembekal-pembekal pakaian dan alat-alat anggota Polis dan Tentera dari kedai-kedai yang diberi lesen untuk membekalkan pakaian-pakaian tersebut; jika benar apa usaha dapat dijalankan supaya perkara ini tidak berulang lagi.

Tuan Mohd Kassim bin Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kejadian jenayah oleh penjenayah-penjenayah dengan menggunakan pakaian seragam Polis yang lengkap dan diperolehi dari kedai-kedai berlesen ataupun tidak adalah terlalu kecil. Mengikut rekod, dari awal tahun 1981 hingga akhir Mac 1984, kejadian seperti itu hanya melibatkan 10 kes sahaja. Dalam tempoh yang sama didapati tidak ada kejadian tipu dan bunuh yang dilakukan oleh penjenayah dengan memakai pakaian seragam Polis.

Pihak Polis sememangnya sentiasa mengawasi para pembekal pakaian seragam dan peralatan Polis agar pakaian dan peralatan tersebut tidak disalahgunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas mereka yang melakukannya dan jika sabit kesalahan mereka akan dihukum. Dengan langkah dan usaha yang dijalankan oleh pihak Polis tersebut, kejadian seumpama ini pada masa sekarang adalah terbandung dan terkawal.

LEBUHRAYA SEREMBAN/ KUALA LUMPUR – KEMALANGAN

38. Dato' . G.Pasamanickam minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah-langkah atau tindakan bagi mencegah kemalangan di lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur dan lebuhraya-lebuhraya yang lain.

Dato' Dr. Nik Hussain bin Abdul Rahman: Kemalangan jalanraya di lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban

telah berlaku baru-baru ini terutamanya ketika kerja-kerja pembaikan dan pembinaan semula jalan tersebut. Bagaimanapun, patutlah saya menerangkan bahawa semua langkah telah diambil untuk memberitahu kepada pemandu kereta mengenai kerja-kerja pembaikan dan pemulihan yang telah dibuat bagi lebuhraya tersebut. Langkah-langkah ini termasuklah:-

- (i) Mengadakan dan menambahkan lagi papan-papan tanda dan lampu-lampu isyarat di tempat-tempat yang merbahaya.
- (ii) Mengadakan robot yang memberi isyarat bagi memperlakan kenderaan.
- (iii) Memberi makluman kepada orang ramai melalui surat-surat khabar, TV dan radio.

Pada keseluruhannya, bagi tindakan-tindakan yang diambil bagi mencegah kemalangan di lebuhraya-lebuhraya lain ialah:-

- (i) Membina jambatan bertingkat di beberapa persimpangan tertentu.
- (ii) Menganalisa data-data kemalangan jalanraya untuk memastikan tempat kemalangan dan sebab-sebab kemalangan tersebut supaya tindakan dapat diambil untuk membetulkan keadaan seperti mengadakan rekabentuk semula tentang aliran jalan dan mengadakan papan-papan tanda yang lebih berkesan.
- (iii) Membaiki jalan yang berlubang-lubang dengan segera.
- (iv) Mengadakan lampu-lampu isyarat dan papan-papan tanda yang mencukupi.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MESIN CETAK DAN PENERBITAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (13hb April, 1984)

3.37 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk menyambung perbahasan di dalam membahaskan Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Di dalam menyokong Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya sendiri kurang jelas iaitu mengenai dengan tetapi tidaklah termasuk apa-apa hasil penerbitan yang diterbitkan atau untuk Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau Kerajaan Singapura. Adanya perkataan 'Kerajaan Singapura' di dalam Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menginginkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, kerana satu masa dahulu, minta izin, Kerajaan Singapura pernah mengharamkan kemasukan penerbitan-penerbitan dan akhbar-akhbar daripada negeri kita. Jadi, apakah hubungannya di dalam Rang Undang-undang ini di antara undang-undang yang akan kita laksanakan di dalam negeri kita ini dengan Singapura. Itu saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang membentangkan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini satu wabak yang sedang menjadi-jadi di dalam masyarakat kita ialah mengenai pengedaran dengan seluas-luasnya pita-pita rakaman di dalamnya mengandungi ucapan-ucapan yang menaikkan api benci-membenci, fitnah-memfitnah hingga menimbulkan perkataan-perkataan yang akan boleh

menimbulkan pergaduhan di antara pengikut satu golongan parti dengan satu golongan parti politik yang lain. Di setengah-setengah tempat di dalam negara kita ini berlaku di mana-mana diadakan majlis-majlis kenduri-kendara, majlis-majlis perkahwinan di mana mereka yang diminta tulang raganya untuk bekerja bersama-sama menjayakan majlis itu nanti akan diperdengarkan ucapan-ucapan daripada pita rakaman daripada kaset ataupun daripada radio itu tadi ucapan-ucapan yang menaikkan semangat menuduh, membenci, kalimah-kalimah yang tidak sopan, perkataan-perkataan Faruan, Taqud, Abu Jahal, bapak jahiliah dan sebagainya dipusingkan sepanjang-panjang hari dan malam.

Dan apabila mereka mendengar ucapan-ucapan yang seperti itu mereka akan bersorak. Rumah sebelah pula kebetulan adalah rumah penyokong satu parti yang menyokong parti Kerajaan merasa serba salah, naik merah padam muka. Untuk menjaga ketenteraman cara yang paling baik ialah tinggalkan rumah sehari dua supaya tidak terdengar bunyi ataupun laungan daripada pita rakaman yang menyakitkan hati.

Pita rakaman yang seperti ini yang sebenarnya sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah berselerak di seluruh negara kita. Saya ada membawa satu daripada contohnya yang saya dapat beli di kedai yang menjual pita rakaman ini. Yang sebenarnya pita rakaman ini dijual begitu murah harganya kalau dibandingkan dengan pita rakaman lagu-lagu dangdut atau pita rakaman lagu "Apo Kono Jang" kerana pita rakaman ini diedarkan begitu murah saya percaya ada sindiketnya yang mengusahakan supaya pita rakaman yang seperti ini diedarkan kepada orang ramai sebanyak-banyaknya untuk mempengaruhi fikiran orang ramai supaya membenci Kerajaan, membenci pemimpin, membenci perancangan Kerajaan, membenci penyokong-penyokong Kerajaan; ini tujuan sindiket ini. Jadi saya percaya dengan

adanya Rang Undang-undang ini sungguhpun dendanya \$5,000 tetapi oleh kerana kita tidak tahu siapa yang menjadi sindiketnya, kalau dalam bahasa sindiket politik "cukong"-nya yang menyanggupi menerbitkan pita rakaman ini begitu banyak, kita tidak dapat hendak denda dia \$5,000 tetapi kesannya hari ini adalah amat berat.

Di dalam pilihanraya-pilihanraya kecil mereka gunakan pita rakaman ini di mana-mana kedai kopi, di warung-warung diperdengarkan sesuka hati. Apabila mereka mendengar perkataan yang mencaci maki tadi, mereka bersorak, mereka bertempik dan mereka ikuti pula dengan laungan kalimah "Allahu Akhbar". Jadi apakah ini satu kesopanan kebudayaan orang kita? Jadi ini kalau dapat pencegahan ini dibuat lebih awal adalah amat baik tetapi setelah keadaan ini saya sendiri merasakan begitu parah dan teruk baru Akta ini dibentangkan untuk diluluskan dan Kerajaan akan melaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan hukuman yang akan dikenakan kepada mana-mana orang yang mencetak atau menghasilkan atau menyebabkan membenarkan dicetak, dihasilkan, menggunakan mesin cetak atau apa sahaja tadi, akan dikenakan denda tidak melebihi \$20,000 atau kedua-duanya sekali. Saya merasakan denda tidak melebihi \$20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun itu belum cukup kerana manusia-manusia yang bergerak menjalankan fitnah di dalam masyarakat sehingga menimbulkan rasa tegang, tidak mahu ziarah-menziarahi, putus siratul-rahim, sehingga timbul bercerai-berai, sehingga jenazah bapa anak tidak boleh tengok, sehingga sembelihan sesama Islam dikatakan tidak halal; mereka ini telah menimbulkan satu gejala yang amat buruk dalam masyarakat.

Rasulullah s.a.w. telah menyebutkan dalam satu hadis yang bererti: "Tidak masuk syurga mereka yang menjadi penghasut", tukang adu dumba atau di dalam bahasa pasar kita sekarang ini,

orang yang membawa mulut ke sana ke mari. Jadi golongan-golongan yang menimbulkan fitnah, golongan-golongan yang menimbulkan kecaman-kecaman yang di dalamnya mengandungi fitnah yang melulu sehingga menimbulkan perpecahan di dalam masyarakat ini, Rasulullah sendiri mengatakan orang itu tidak masuk syurga.

Jadi kalau boleh di dalam hukuman ini selain daripada penjara tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi \$20,000 itu ditambah lagi sebat dengan rotan. Ini harapan saya supaya mereka sedar bahawa gejala yang mereka buat ini untuk membersihkannya, untuk menghapuskannya memakan masa yang panjang, memakan tenaga yang banyak, diadakan ceramah-ceramah balas, diadakan perhimpunan-perhimpunan sivik, diadakan kursus-kursus rohani, diadakan ceramah-ceramah agama daripada tokoh-tokoh agama yang dijemput dari Indonesia, dari Singapura berpuluh-puluh orang tetapi wabak ini masih belum dapat diatasi kerana penyakit fitnah ini lebih teruk daripada membunuh.

Allah Ta'ala berfirman dalam Al-Quran yang bererti: Fitnah lebih berat daripada membunuh. Inilah kesan fitnah yang ditaburi oleh pita rakaman yang menghasut masyarakat, pita rakaman yang memperkotak-katikan fikiran anggota-anggota masyarakat kita yang rendah fikirannya, rendah pembacaannya, apabila mendengar ucapan-ucapan dan ungkapan-ungkapan yang diselitkan dengan ayat-ayat Al-Quran yang sekerat-sekerat, rakyat di bawah terikut-ikut, rakyat di bawah menerima. Pita yang ada saya bawa ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bunyikan, dikata di dalamnya: "Islam mengajak kita boleh membunuh dan boleh dibunuh". Ini dalam pita yang saya bawa.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beratnya peranan atau akibat daripada pita rakaman atau kaset yang sekarang ini bertaburan di merata kampung, bukan

sahaja di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Perak sampai ke negeri Selangor sendiri keadaan ini telah berleluasa. Beberapa kedai-kedai belia yang berniaga kecil-kecilan menjual alat-alat rakaman ini mereka sengaja dikirim, dihantar dan dibekalkan dengan pita-pita rakaman yang seperti ini dan dijual dengan semurah-murahnya.

Saya percaya Kerajaan telah sedar akibat daripada ini, maka daripada kesedaran ini kita berharap supaya pihak Kementerian Dalam Negeri khasnya, melipat-gandakan tenaganya untuk mencari sebanyak-banyaknya pita-pita rakaman ini dikumpulkan dan kemudiannya dibakar.

Di dalam Rang Undang-undang ini ada tersebut, "Tidak menjadi kesalahan bagi sesiapa yang menggunakan pita rakaman itu untuk kegunaannya sendiri". Pita rakaman ini yang mengandungi ucapan-ucapan fitnah begitu kalau saya kata untuk kegunaan saya sendiri tidak salah, tetapi apabila datang beberapa orang kawan-kawan saya, saya pusingkan; saya bunyikan balik itu yang dikatakan kempen senyap. Jadi adakah ini Kerajaan telah memikirkan penghebahan sesiapa sahaja yang mempunyai atau menyimpan pita rakaman yang seperti itu diminta supaya menyerahkan kepada mana-mana Balai Polis yang berhampiran. Sepertimana kita dapati sesiapa sahaja yang mengikut di dalam aturan Jabatan-jabatan Agama, sesiapa sahaja yang ada menyimpan kitab-kitab atau risalah-risalah yang berlawanan dengan ijtimak ahli sunnah wal jamaah hendaklah menyerahkan kepada mana-mana Pejabat Kadi yang berhampiran.

Pita rakaman ini juga saya berharap begitu supaya kita buka peluang kepada mereka ini sedar supaya menyerahkan benda-benda yang salah itu dengan sukarela terlebih dahulu. Apabila rayuan seperti itu kita jalankan selama 6 bulan misalnya, masih tidak diambil peduli, maka tindakan-tindakan sekeras-sekerasnya hendaklah

dijalankan oleh pihak yang berkuasa Kementerian Dalam Negeri membongkar, menyelongkar di mana-mana sahaja yang maklumat didapati mengatakan ada mereka yang menyimpan pita-pita rakaman yang seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pita rakaman di dalam Rang Undang-undang ini juga menyebut apa sahaja bahan-bahan cetak yang lucu. Lucuh ini kalau hendak dikirakan, tidak tahulah istilah. Kementerian Dalam Negeri macam mana lucu ini. Adakah gambar telanjang bulat semua sekali baru dikatakan lucu ataupun gambar ataupun posters yang ada tutup sana sedikit, tutup sini sedikit, itu tidak lucu? Tetapi kalau pada saya asal mendedahkan satu-satu aurat yang menaikkan nafsu berahi, itu lucu. Sekarang ini banyak gambar-gambar yang hanya tampal sana sedikit, tampal sini sedikit, ini juga sepatutnya pihak Kerajaan di dalam penerapan nilai-nilai Islam kita kena fikir itu supaya golongan orang-orang tua kita dan kita yang telah meningkat kepada umur tua ini yang sebenarnya kalau menengok benda yang macam itu sekali imbas itu geli geman, tetapi pandang kali kedua syok. Supaya jangan pandangan yang syok itu datang maka Kementerian patut bertindak. Kalau pandangan sudah syok nanti memandu kereta pun tidak tahu di mana jalan yang ada lubang, di mana jalan yang merbahaya main rempuh sahaja. Sebab ini kadang-kadang ada juga gambar-gambar yang seperti ini, ini masuk juga bahan cetak yang seperti ini terpampang di tepi-tepi jalan. Ini sepatutnya boleh diambil tindakan. Ada juga gambar-gambar lucu ini tetapi tidak tersebar luas iaitu di takwim-takwim, di daun-daun terup yang saya sedih pula, kebanyakan yang ada menyimpan takwim-takwim lucu ini sama ada diimport daripada luar negeri atau memang dicetak dalam negeri untuk diedarkan secara rahsia takwim-takwim ini atau daun-daun terup ini kebanyakannya dipunyai oleh pegawai-pegawai di dalam

Kementerian Dalam Negeri sendiri. Kadang-kadang dia tunjuk pada saya, "Ustaz hendak tengokkah, pinjam tidak boleh, tengok sahaja boleh". Astaghfirallahazim. Ini saya tengok sendiri. Adakah ini daripada barang-barang yang dirampas kemudian dijadikan hakmilik tidak dimusnah. Ini kadang-kadang menjadi pertanyaan kepada saya sendiri.

Begitu juga filem-filem video lucu. Kadang-kadang memang ada tawaran untuk sama-sama menengok video lucu. Tetapi dalam Dewan yang mulia ini saya menyatakan bahawa saya tidak pernah menengok bagaimana rupa video lucu itu. Selain daripada itu tulisan-tulisan yang pada saya lucu yang ada tertulis di baju-baju 'T', "Peluklah aku", "Ciumlah aku", "Ikutlah aku", ini lucu. Pada kesopanan orang timur itu termasuklah bahan cetak yang dicetak di baju 'T' yang dipakai oleh anak-anak muda kita. Kalau ini termasuk dalam bahan cetak, barangkali besok lusa tiada lagi anak-anak muda kita yang memakai baju yang bertulis dibelakangnya, "Sila ikut aku ke mana sahaja". Yang lain kad-kad hariraya lucu pun ada. Maknanya Rang Undang-undang ini kita luluskan dan insya-Allah akan kita luluskan, memang banyak perkara-perkara lucu yang terbit daripada bahan cetak ini.

Selain daripada itu surat-surat layang fitnah. Apabila hendak diadakan Perhimpunan Agung parti, surat-surat layang. Kalau ini dapat dikesan, yang dapat ditangkap itu jangan didenda sahaja, rotan, walaupun dia pemimpin yang buat, biar dia kena rotan, baru pemimpin betul-betul jadi teladan. Dia sanggup buang duit beribu-ribu, dia bukan lagi menggunakan mesin sepertimana yang ada dalam Rang Undang-undang ini satu jam mengeluarkan 1,000 keping lebih daripada itu, mesin yang digunakan lagi ligat sebab benda ini ditabur di seluruh negara. Ini juga surat-surat layang fitnah, tuduh menuduh, mengadakan benda yang tidak ada, menceritakan benda yang tidak patut diceritakan, ini

termasuk bahan cetak yang menimbulkan fitnah ini. Kalau cerita fitnah ini panjang.

Satu buku lagi yang saya dapat bawa pada hari ini yang dikatakan dicetak di luar negeri, tetapi salah seorang Duta Besar kita menafikan buku ini dicetak di luar negeri, "Musa lawan Mahathir" yang dikarang oleh Mira Perdana, katanya dari Jakarta. Tetapi kerana Akta ini belum ada selama ini, ini buku bahan cetak yang mengadu dumba, yang memfitnah, yang melaga-lagakan pemimpin sama pemimpin. Orang baca, malahan buku ini tidak payah dibeli, dikirimkan pula dengan pos, dapat percuma. Kita terkejut, ini semua sekali kesan daripada adanya bahan-bahan cetak atau pita rakaman yang selama ini Kerajaan sendiri memikirkan kesannya tidak buruk tetapi hari ini kita telah nampak bahawa perkara-perkara ini adalah perkara buruk, perkara yang akan membawa kerosakan, perkara yang akan menimbulkan fitnah kesumat dari mendengar daripada telinga pergi ke hati, dari hati diluahkan kepada mulut didengarkan kepada orang lain. Tidak puas hati lagi, mari sila datang ke rumah aku, kita dengar pula kaset, kita dengar pula tape recorder ucapan-ucapan yang maki Dr. Mahathir, yang maki Dato' Musa, yang maki Tengku Razaleigh, yang maki Kerajaan. Kerajaan ini Kerajaan Thaugut, Kerajaan Firaun dan sebagainya. Itu yang berlaku sekarang ini yang dapat kita tahu. Yang kita tidak tahu bahan-bahan cetak yang dirahsiakan, bahan-bahan cetak yang tidak disebar, sama ada dicetak di dalam negeri atau yang dibawa dari luar negeri banyak. Sebab kita dengar di dalam perbualan-perbualan terutama sekali perbualan orang-orang parti, perbualan orang-orang politik bercakap, "Ah! sudah dengar belum", "Apa cerita?" "Ini cerita baru". Ertinya ada modal baru, ada bahan baru yang sudah keluar. Kita tidak dapat menyekat itu kerana tujuan Rang Undang-undang ini bukan hendak menyekat demokrasi bercakap, bukan hendak menyekat supaya orang

tutup mulut. Tidak. Ini untuk menyelamatkan masyarakat daripada gejala-gejala buruk yang ditimbulkan oleh bahan-bahan penerbitan-penerbitan, bahan-bahan cetak dari pita rakaman yang boleh menghasut, yang boleh memfitnah, yang boleh menimbulkan porak poranda di dalam masyarakat kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan besar hati menyokong Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini dan saya menggesa supaya pihak Kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri untuk bertindak sebenar-benar, bertindak berani di dalam menyelamatkan masyarakat, menyelamatkan bangsa, menyelamatkan negara, menyelamatkan keharmonian rakyat kita daripada adu domba fitnah yang ditaburkan oleh golongan-golongan anti nasional, anti keharmonian, anti perpaduan, anti kesejahteraan kerana kalau mereka semua orang-orang yang mahukan harmoni, mahukan perpaduan, mahupun kesejahteraan, mereka tidak akan buat kerja-kerja seperti ini.

Jadi, mereka inilah musuh negara, mereka inilah musuh rakyat mencari jalan dengan bertopeng kepada nama agama, bertopeng kepada ayat-ayat Allah, bertopeng kepada Hadis Rasulullah s.a.w.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan-Penerbitan 1984.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hasanah Haji Mohd. Kassim.

4.00 ptg

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk sama-sama memberi sokongan ke atas satu Akta untuk mengawalselia penggunaan mesin cetak dan percetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula penerbitan dan pengedaran hasil

penerbitan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya yang mana di atas kesedaran dari Kerajaan yang ada pada hari ini diucapkan syabas dan tahniah.

Di Dewan yang mulia ini kalau dikira kemerdekaan negara kita telah menjangkau ke usia hampir-hampir 30 tahun tetapi pada hari ini barulah kita mengadakan Akta ini.

Tetapi syukurlah kesedaran dari Kerajaan pada hari ini telah wujud untuk melahirkan suasana aman kepada rakyat dan negara supaya kita jauh daripada hasutan-hasutan yang diusahakan oleh anasir-anasir anti-nasional melalui percetakan. Memang kenalah pada masa dan sesuai Akta ini diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin sekarang kita sudah terantuk, sudah benjol-bejol sakitnya di pendengaran telinga yang disiarkan melalui pita-pita keset, hemburan-hemburan risalah-risalah yang memburukkan peribadi individu yang mengancamkan ketenteraman dan keselamatan, maka baru kita tengadah pada hari ini. Kerana kalau di Trengganu sudah beberapa tahun yang berlalu banyak sekali penerbitan-penerbitan yang mengeluarkan risalah-risalah hasutan jahat dengan tujuan menghasut dan mengelirukan masyarakat umum telah dirasai. Bahkan boleh dikatakan di Trengganulah ada yang mengelirukan kefahaman rakyat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab pita-pita rakaman yang sungguh-sungguh menyakiti pendengaran. Bahkan ada kalanya di kedai-kedai ataupun di kaki-kaki lima dipasangnya dengan berleluasa, dengan keadaan yang hingar bingar dan sebagainya.

Tetapi yang mendukacitakan kalau ditanya kepada Polis kenapa tidak dilarang akan keadaan yang bising, pendengaran yang bising yang mengganggu keadaan dan ketenteraman awam maka pihak Polis akan menjawab kita tidak ada kuasa dan tidak ada arahan.

Maka dengan lulusnya Akta ini kelak masalah yang seperti dinyatakan tadi tidak akan terjadi dan boleh diatasi pada bila-bila masa.

Di Dewan yang mulia ini, ingin saya kemukakan soalan bagaimana pula tiap-tiap penerbitan yang menggambarkan anasir-anasir yang mengancam keselamatan dan keadaan fitnah-menfitnah pita-pita rakaman yang saya sebutkan tadi, tidak tercatat nama perakannya atau nama yang mengeluarkannya. Adakah peraturan yang membolehkan Kerajaan atau pihak-pihak yang ditugaskan merampas kiranya dijual. Tetapi saya agak ada kerumitan kiranya risalah-risalah dan sebagainya ditabur percuma oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab, sebab kita tidak tahu siapa mengedarnya, siapa pengarang, siapa penciptanya dan lain-lain yang berkaitan. Bagaimanakah kita akan bertindak dan dapat tahun lebih-lebih lagi menjelang hal-hal seperti ini masa kempen-kempen pilihanraya sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat kawan saya tadi, juga menjelangnya pemilihan pucuk pimpinan pada bulan Mei yang akan datang.

Mungkin banyaklah buku-buku risalah, pita-pita rakaman juga syarahan-syarahan hasutan tersebar dengan percuma kepada orang-ramai. Kadang-kadang di mesjid tempat suci pun diedarkan oleh orang-orang yang tidak dikenali.

Saya mengesyorkan di Dewan yang mulia ini supaya di mesjid juga tidak dibenarkan untuk menaburkan apa-apa risalah dan lain-lain seperti yang dimaksudkan kecuali dengan kebenaran dan dapat mengenal pasti yang mana risalah-risalah ataupun kitab-kitab yang sepertinya yang tidak menghasut dan tidak menjejaskan suasana keamanan, perpaduan dan keselamatan kepada rakyat dan negara. Sama juga seperti kebenaran kepada sesiapa yang ingin menyampaikan pengajaran, syarahan di mesjid-mesjid dan sebagainya. Dan bagaimana pula

atau apakah tindakan Kerajaan sekiranya ada didapati orang-orang yang menyampaikan syarahan-syarahan hasutan yang bersadurkan ugama Islam seperti selalu yang didengar, yang menuduh Kerajaan yang ada pada hari ini, saya terpaksa mengulang sekali lagi sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat saudara saya tadi iaitu "Kerajaan Taqud, Firaun, kafir, zalim-menzalimi" dan sebagainya.

Lagi yang paling anihnya dalam masa menyampaikan syarahan begini mereka memungut wang dengan tujuan sabilillah dan jihat. Kepada siapa mereka akan berjihat? Katanya berjihad dengan Kerajaan yang ada sekarang, kerana Kerajaan yang ada sekarang zalim dan sebagainya. Ini juga yang menjejaskan keamanan dan boleh mencetuskan pergaduhan serta boleh mendatangkan keluh kesah kepada rakyat dan syak wasangka.

Dan seterusnya, begitu juga Kerajaan hendaklah meneliti akan buku-buku, gambar-gambar atau komik-komik dan risalah-risalah yang didatangkan dari luar negeri yang membuatkan berita-berita palsu dan yang memberi gambaran yang salah mengenai politik, pentadbiran, sosial dan ekonomi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanyalah merengskaskan sokongan saya dan perbahasan saya kerana banyak telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saudara saya tadi di segala aspek dan sebagainya.

Dan pada akhirnya di Dewan yang mulia ini saya berharap undang-undang yang kita wujudkan pada hari ini dapat melahirkan rakyat yang tidak dapat menerima hasutan dan ugutan dengan sewenang-wenangnya. Semoga dapat melindungi rakyat yang lemah pemikiran dan tidak diresapi oleh fahaman yang mengelirukan. Semoga dengan kebijaksanaan dari kepimpinan Kerajaan yang ada dapat kerjasama dari rakyat dan difahami akan Akta ini

maka perlulah penerangan-penerangan yang jelasnya supaya tidak disalahgunakan oleh sesiapa yang mana cara penyampaian seperti melalui kursus-kursus sivik yang dianjurkan oleh Kerajaan maka perlulah Kementerian Dalam Negeri mengembelingkan tenaga dengan Kementerian Penerangan supaya Akta ini diberi penerangan dengan jelas dan fahaman yang betul-betul.

Setengah-setengah rakyat bosan dengan pita-pita yang sebegini tetapi kerana tidak ada satu-satu Akta pun yang membolehkan pihak-pihak berkuasa mengambil tindakan maka berleluasalah mereka hingga ada yang mencabar Kerajaan pada hari ini dengan mengatakan Kerajaan hari ini tidak ada power atau tidak ada kuasa hendak menangkap kami orang-orang mengedar pita-pita yang tersebut tadi. Dengan keadaan yang lantang kalau Kerajaan berani boleh pada hari ini menangkap atau mendakwa kami tetapi tidak boleh katanya kerana Kerajaan tidak ada kuasa. Dari itu sampailah masanya Kerajaan bertindak dengan perkara-perkara yang tidak diinginkan supaya orang-orang yang tidak tahu akan selok belok tujuan yang disiarkan oleh anasir-anasir itu, tidak dikelirukan.

Semoga Kerajaan tidak akan membiarkan puak-puak samseng atau hero yang menjadi dalang dalam perkara hasut-menghasut ini menjadi jadi dan juga ada yang menyiarkan suara-suara pita rakaman ini, dengan tidak tahu waktu dan masanya, sama ada malam, petang, pagi dan sebagainya. Maka dengan Akta yang dicadangkan ini dapat sambutan, dan diluluskan, diharap pihak yang berkenaan terutamanya Kementerian Dalam Negeri dapat menjalankan ataupun bertindak seperti apa yang disuarakan oleh rakan saya, dan juga dengan harapan dapat diatasi segalanya.

Dengan itu juga saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemuka-

kan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 13.4.1984.

4.12 ptg.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong satu Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk mengawalselia penggunaan mesin cetak dan pencetakan.

Dalam Dewan yang mulia ini saya terlebih dahulu mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan khususnya kepada Kementerian yang berkenaan kerana telah sedar bahawa Rang Undang-undang yang sebegini patut dilaksanakan.

Saya faham dan mungkin pihak Kementerian bersetuju dengan saya mengatakan sesuatu undang-undang yang akan dibuat itu mestilah perkara itu berlaku terlebih dahulu, barulah perkara itu dijadikan undang-undang. Walau bagaimanapun, perkara ini telah lama berlaku, pihak orang ramai telah mendesak beberapa kali melalui khabaran dan sebagainya, dalam ceramah-ceramah supaya Kerajaan mesti mempercepatkan tindakan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan, yang dilakukan oleh segolongan manusia seperti mana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi. Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang ini diluluskan, saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya melaksanakan Rang Undang-undang ini, jangan Rang Undang-undang sahaja diluluskan, tetapi tindakan tidak diambil seperti mana yang sering berlaku pada masa-masa yang lampau.

Kalau kita luluskan Rang Undang-undang dalam dua Dewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara, maka tindakan tidak diambil, sia-sia sahaja kita berbahas dan kita bercakap, merugikan masa, wang Kerajaan bagi meluluskan Rang Undang-undang ini. Dan sekali lagi saya menyeru kepada pihak Kerajaan supaya tindakan tegas mesti diambil, kalau tidak sia-sia sahaja

kita meluluskan Rang Undang-undang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Rang Undang-undang berkenaan dengan penerbitan ataupun pelesenan mesin cetak dan sebagainya, perkara-perkara yang saya akan cakapkan, saya sebutkan dalam Dewan ini telahpun disuarakan oleh rakan saya. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh satu perkara iaitu berkenaan sesuatu pengumuman atau penerbitan terhadap apa-apa perintah yang sah di sisi undang-undang atau melakukan pecah keamanan dan sebagainya. Jadi maksud saya sesuatu keputusan yang dibuat oleh mahkamah sama ada adat atau Mahkamah Syariah, maka kita rasa penerbit-penerbit tidak patut mengeluarkan bantahan ataupun mempertikaikan keputusan sesebuah mahkamah itu. Ini saya rasa satu perkara yang patut kita masukkan dalam Rang Undang-undang ini supaya tindakan diambil kepada pihak yang berkenaan terutama sekali penerbit-penerbit ataupun daripada akhbar-akhbar yang mempertikaikan keputusan mahkamah. Buktinya saya hendak menunjukkan satu perkara yang dipertikaikan oleh akhbar ke atas keputusan Mahkamah Syariah iaitu pada 6.3.1984 yang lepas berkenaan dengan mahkamah batalkan nikah suami isteri di Padang Besar. Ini ialah satu keputusan mahkamah dan pihak penerbit mengeluarkan pro dan contra dalam masalah keputusan mahkamah ini. Jadi satu perkara yang memperhinakan keputusan mahkamah terutama sekali Mahkamah Syariah iaitu mahkamah Islam yang mana ugama rasmi ialah ugama Islam dalam negara kita ini. Keputusan Mahkamah Syariah yang membatalkan pernikahan suami isteri di Padang Besar iaitu dua lelaki dan perempuan ini pergi ke Padang Besar dan di situ mereka berjumpa dengan tok imam dan mereka bernikah di situ. Selepas mendapat seorang anak datanglah wali si perempuan tadi mengadu kepada Kadi mengatakan anak perempuannya tidak

diwalikan oleh beliau, dan anaknya berkahwin dengan seorang lelaki, maka apabila dibicara di Mahkamah Syariah, pernikahan itu dibatalkan. Jadi selepas keputusan mahkamah itu dibuat, keluaran dalam suratkhbar, ada yang pro dan ada yang contra.

Di sini saya rasa tidak patut penerbit mengeluarkan segala bantahan daripada orang ramai mengenai dengan keputusan mahkamah. Kalau mahkamah tidak membuat sesuatu keputusan, maka lebih ramai lagi pasangan-pasangan yang tidak direstui oleh keluarga akan berhijrah ke Padang Besar dan mengadakan pernikahan di sana. Ini satu pengajaran, walaupun berat, tetapi oleh kerana ini adalah mencemarkan kesucian Islam, terpaksa mahkamah mengambil tindakan yang sedemikian. Tetapi sekali lagi saya mengatakan kerana pihak penerbit mengeluarkan 2-3 rencana, berbagai-bagai hujah dalam suratkhbar mengancam keputusan pihak Mahkamah Syariah di Kepala Batas, Pulau Pinang. Ini tidak patut, kerana ini ialah satu keputusan undang-undang, jadi saya berharap perkara ini patut dimasukkan juga di dalam Rang Undang-undang ini supaya kita dapat menjamin keutuhan sesebuah keputusan mahkamah sama ada adat ataupun syariah di negara kita ini. Kalau tidak keputusan mahkamah Islam, Mahkamah Syariah dipermain-mainkan oleh pihak-pihak orang ramai. Jadi ini mesti kita jaga supaya kita dapat mempertahankan kedaulatan Islam ini, ini saya minta kepada pihak yang berkenaan supaya masukkan perkara ini kerana berbagai-bagai tuduhan, berbagai-bagai cacian yang dibuatkan ke atas mahkamah yang membuat keputusan itu.

Sekali lagi saya menyeru kepada pihak yang berkenaan supaya memasukkan perkara ini supaya keputusan mahkamah tidak boleh dipertikaikan. Ini ada satu risalah yang boleh memecahkan ataupun mencetuskan perghaduan di antara kita sesama kita, sekurang-kurangnya percetusan kefa-

haman di antara orang-orang Islam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa berkenaan dengan perkara yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan gambar-gambar lucu sepertiimana yang disebutkan beliau bertanya pihak yang berkenaan, bagaimanakah yang dimaksudkan dengan gambar lucu itu. Jika kita tengok, kita lihat dalam akhbar banyak gambar-gambar yang lucu dan pandangan-pandangan yang menjolok mata, patut kita masukkan juga dalam Rang Undang-undang ini. Maksud saya kalau dua lelaki dan perempuan sedang berpeluk-peluk dalam gambar, bukan suami isteri, inipun boleh dianggapkan sebagai satu perkara yang lucu di antara perempuan yang muda dengan seorang lelaki yang muda, sedang berpeluk-pelukan dalam gambar, inipun patut kita hindarkan daripada berlaku lagi dan boleh dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini.

Ini kalau kita tengok dalam suratkhbar, kalau ditengok oleh anak-anak muda kita ini sebagai tauladan dan mungkin sebagai pengajaran kepada dia, dia boleh ikut. Inilah yang sedang berlaku pada masa sekarang ini. Dalam suratkhbar yang ditangkap gambar oleh jurugambar, boleh dipeluk-peluk, kita tak tahu di mana, di belakang gambar, jadi boleh difikir oleh orang-orang muda pada hari ini. Sebab itulah sedikit sebanyak, bukan sahaja dipengaruhi oleh luar, tetapi dalam negeri kita sendiri dipengaruhi oleh gambar-gambar dalam akhbar, majalah dan sebagainya. Ini patut kita ambil tindakan dan kita masukkan dalam Rang Undang-undang ini supaya kita membuat satu Rang Undang-undang mencegah gambar-gambar daripada masuk dalam akhbar-akhbar dan majalah, sepertiimana yang disebutkan tadi.

Saya rasa oleh kerana ramai lagi rakan-rakan kita hendak bercakap dan saya sekali lagi, sebelum duduk, menyokong penuh Rang Undang-

undang Mesin Cetak dan Penerbitan yang akan diluluskan dalam Dewan yang mulia ini. Sekian.

4.21 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil sedikit perbincangan dalam Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984 yang mana telahpun dibaca dan diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri pada hari Jumaat yang lalu.

Di sini saya juga bersama-sama untuk membuat sokongan dan cadangan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984. Saya juga bagi pihak yang lain mengucapkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri yang mana dapat membuat undang-undang dan dapat dibentangkan pada hari ini, lebih-lebih lagi undang-undang ini naskhah sehehnya Bahasa Malaysia yang mana kita harap undang-undang ini dapat dijalankan dengan sepenuhnya, sebagaimana Fasal-fasal yang telah dinyatakan di dalam Rang Undang-undang ini supaya penerbitan-penerbitan dalam negara kita ini dapat dikawal, tidak lagi berluas-luasan sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya berucap tadi telah menyuarakan masalah-masalah, akibat-akibat, pro dan kontra yang mana terjadi berhubung dengan cetak-mencetak – fitnah, surat layang dan sebagainya yang sekarang ini menjadi-jadi. Kita takut jikalau surat-surat yang seumpama ini menjadi-jadi, keadaan kita juga akan menjadi huru-hara dengan fitnah-fitnah yang melayang ditujukan kepada seseorang.

Dalam ini juga kita berharap, kita tahu, kita mendengar sebelum Rang Undang-undang inipun telah ada Kerajaan menangkap dan merampas mesin-mesin cetak berhubung dengan orang-orang yang tidak bertanggung-jawab untuk menerbit dan mencetak, umpamanya buku-buku pendaftaran kereta, buku-buku yang lain untuk

mendapatkan kewangan yang banyak oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, dalam keadaan yang ada pada hari ini kuatkuasa akan diadakan, saya berharap dengan keadaan ini kita tidak lagi bertolak ansur dalam masalah-masalah yang berlalu, umpamanya mencetak wang palsu, mencetak kertas-kertas yang lain boleh menjadikan huru-hara dalam negara kita.

Di sini bagi mengelakkan perkara-perkara ini berlaku kerana kita lihat sekarang ini, umpamanya surat-surat cetakan, buku-buku, pamphlet dan sebagainya kadangkala kita tidak tahu siapa mencetaknya, daripada manakah pencetak (press) yang membuat buku-buku tersebut, separuhnyanya ada ditaruh di sebelah bawah; dicetak oleh sekian-sekian dan sebagainya, tetapi separuhnyanya tidak ada. Oleh itu, dengan keadaan ini saya berharap kepada Kerajaan supaya menyuruh ataupun mengarahkan kepada pencetak-pencetak ini supaya tiap-tiap percetakan yang dijalankan hendaklah nama-nama pencetak itu diletak di bawah. Umpamanya, pada hari ini naskhah saheh Bahasa Malaysia Rang Undang-undang ini juga kita tidak tahu, sungguhpun saya rasa Pencetak Kerajaan yang membuat, sepatutnya juga ditaruh belakang siapa yang mencetaknya. Oleh itu, kita tahu pihak Kerajaan, pihak Polis dan sebagainya, kalau sekiranya perkara-perkara itu melanggar dari segi undang-undang, terus dicari siapa yang mencetaknya, sebab di bawah itu sudah ada nama pencetak.

Soal yang lain, tadi telahpun disuarakan oleh saudara-saudara yang dahulu daripada saya berhubung dengan menjual buku-buku lucah dan sebagainya yang mana menjadi-jadi sekarang ini. Sungguhpun pihak Kementerian ada undang-undang tidak membenarkan gambar-gambar ini tetapi pihak-pihak penerbit dan pihak-pihak yang hendak mencari duit, mereka ini tahu menjalankan usaha-usaha; kalau tak boleh ini, ini

dijalankan. Oleh itu, dalam masalah buku-buku lucah ini juga pihak Kerajaan, saya rasa haruslah bertanggungjawab dan menjalankan undang-undang supaya buku-buku lucah ini tidak dapat masuk ataupun dicetak dalam negara kita ini lagi. Jikalau jumpa juga lagi, saya rasa harus ditangkap dan dibawa ke mahkamah supaya mereka ini dihukum. Dengan jalan ini, rasa saya kita dapat mengelakkan, jangan hanya diberi sahaja; separuh kita beri dan separuh tidak.

Soal yang lain, dalam akhbar-akhbar. Kita juga berharap kepada Kerajaan, khasnya dari Kementerian Dalam Negeri supaya mengawasi akhbar-akhbar tempatan kita pada hari ini, lebih-lebih lagi apabila masa-masa yang genting berlaku. Umpamanya ada pilihanraya, ada pemilihan pucuk-pucuk pemimpin parti, dalam akhbar-akhbar ini juga dijalankan cara-cara yang saya rasa sebagai fitnah juga yang kita katakan ataupun dengan daya usaha yang jahat juga dengan adanya akhbar-akhbar ini. Umpama pagi tadi saya baca Harian Nasional yang mana dilukis katun, sungguhpun ayat-ayat itu pendek tetapi kepada manusia pada hari ini mereka faham. Oleh itu, kita mengadu-dumbakan dan mengakibatkan pemimpin-pemimpin dan rakyat juga serta serta pengikut-pengikut merasai tidak sedap memandang katun pada pagi ini ataupun katun-katun yang telah dibuat oleh akhbar-akhbar seterusnya sebelum dan juga sebagaimana pagi tadi dalam Harian Nasional, iaitu berhubung dengan pemberian wang untuk pemilihan Ketua UMNO dan sebagainya yang dilakukan seorang memberi duit dan di belakang pula memandang dan sebagainya. Akibat-akibat ini saya rasa tak begitu baik. Oleh itu, kepada akhbar-akhbar dalam negara kita ini dalam keadaan yang genting ini janganlah pula mencari ataupun menanggung di air keruh untuk memecahbelahkan di antara kita dengan kita. Saya berharap sangatlah perkara-perkara ini diawasi.

Soal-soal yang lain dalam majalah-majalah ini juga. Sekarang kita tengok majalah bukan main banyak lagi, Baca Ria, Perdana, Wanita dan macam-macam lagi. Di dalam majalah-majalah itu dan akhbar-akhbar ini boleh dikatakan 90% isi-isinya adalah berunsur seks, iaitu menunjukkan dan cara bagaimana dan sebagainya hubungan jenis antara lelaki dan perempuan, rasa sedap dan sebagainya dikias-kiasan. Rasa saya ini merosakkan akhlak anak-anak muda kita pada hari ini. Dengan keadaan inilah pada 2 - 3 hari yang lepas saya mengatakan anak-anak muda kita pada hari ini tidak lagi menghormati ibu dan bapa ataupun orang tua-tua. Mereka tidak tahu daripada asalnya bagaimana dia akan lahir di dunia ini, siapa yang membuatnya dan sebagainya, mereka ini tahu.

Oleh itu, dalam keadaan ini buku-buku inilah yang saya rasa saya sendiri pun sudah tua ini kadang-kadang malu saya hendak membacanya, hanya baca di atas sahaja, kadang-kadangkala ada masa yang lapang kita baca kata-kata di dalam itu semuanya tidak menyenangkan, lebih-lebih lagi anak-anak muda kita, budak-budak yang baru sekolah, yang tak tahu menjadi tahu. Begitu jugalah dalam akhbar-akhbar, majalah-majalah ini menceritakan dengan terang-terang, menyiarkan bagaimana penderitaan hidup kononnya bagaimana suami lari ditinggalkan oleh isteri, bagaimana dilarikan pula, bagaimana perasaan dan sebagainya.

Ini juga saya rasa tak perlulah kita hendak terangkan panjang-panjang sangat, kalau ada dalam suratkhbar buatlah sedikit-sedikit sahaja, janganlah secara detail ataupun secara mendalam sehinggakan semuanya kita tahu. Perkara ini lama kelamaan memang diketahui oleh anak-anak kita, tak payah kita ajar, tak payah kita tunjuk kerana ini telahpun rasa saya Tuhan telah menjadikan manusia ini tahu semuanya pada masa akan datang apabila mereka dewasa. Itulah saya

harap dengan percetakan buku-buku ataupun majalah-majalah pada hari ini yang begitu ghairah menyiarkan cerita-cerita yang seumpama ini.

Di samping itu juga dipamerkan juga, diselingkan juga gambar-gambar yang menarik. Sungguhpun kita tidak keluarkan gambar-gambar yang bogel tetapi dengan separuh bogel dikeluarkan juga. Umpamanya, gambar-gambar itu dengan warna yang cantik-cantik, malahan saya rasa untuk mengelakkan perkara-perkara ini harus juga pihak Kementerian mengawasi akhbar-akhbar kita dalam negara ini supaya perkara-perkara ini tidak dikeluarkan ataupun dibuat hiburan.

Begitu juga akhbar-akhbar yang lain, dalam harian-harian yang lain, saya tengok banyak sangat akhbar-akhbar kita ini boleh katakan kadangkala sampai 6 ataupun 8 muka diceritakan hal-hal hiburan sahaja, malahan masalah-masalah yang penting tak dimuatkan dalam akhbar-akhbar mereka.

Begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ada juga yang merungut kerana gambar-gambar mereka tak keluar dalam akhbar, apa salahnya dikeluarkan, kecil pun tak apa. Ada juga pihak akhbar mengatakan rugi kerana satu inci itu berapa ringgit, rugi, tetapi bagaimana pula kita hendak tanya dalam ruangan-ruangan hiburan tadi sehingga kadang-kadang satu muka gambar si polan-si polan bintang-bintang filem, ada fesyen itu, fesyen ini, tak rugi pula sebesar itu. Apa sebab yang kecil ini rugi. Ini kita hendak bertanya juga kepada pihak akhbar-akhbar. Apa salahnya, bukan lama Parlimen ini bersidang. Parlimen ini hanya bersidang, Dewan Negara 12 hari, Dewan Rakyat dahulu kalau tak silap saya 20 hari. Masa itu apa salahnya dikeluarkan gambar-gambar mereka. Ini tidak, gambar-gambar bintang filem, penyanyi pop, itulah yang dimegah-megahkan, yang di-ampu-ampu, pihak-pihak yang menjalankan tugas harian ini tak dapat sim-

pati daripada akhbar-akhbar yang ada dalam negara kita hari ini.

Soal surat layang ini, saya rasa diri saya pun boleh dikatakan hari-hari terima surat layang, memburuk-burukkan Kerajaan, pemimpin-pemimpin kita sama ada peringkat bawah dan peringkat tinggi termasuklah Perdana Menteri kita sendiri. Oleh itu, saya berharap pihak Kerajaan mengambil daya usaha supaya dapat mengikut ataupun menjejak ataupun mengintip mereka ini, jikalau mereka ini dapat ditangkap dibawa ke pengadilan. Jangan hanya orang-orang ditangkap khalwat sahaja yang dibesar-besarkan, saya rasa ini lagi penting pihak Kementerian untuk menjaga kepentingan negara, bangsa dan tanahair kita.

Soal khalwat ini juga dalam akhbar-akhbar saya hendak juga menegur sedikit supaya tangkap basah, khalwat dan sebagainya janganlah dibesar-besarkan sangat dalam suratkhbar sebagaimana yang berlaku baru-baru ini. Bermakna orang-orang bukan Islam menganggap orang Melayu, orang Islam ini terlampau kuat sangat dengan hawa nafsu mereka sehinggakan tiap-tiap hari ada yang kena tangkap dan sebagainya tetapi orang lain tak masuk. Apa sebab. Itu kita harapplah dalam soal ini juga kalau dapat buat sedikit-sedikit cukuplah, janganlah pemberita-pemberita banyak sangat mengambil masa untuk mengikuti orang-orang yang ditangkap kerana berkhawat itu tadi masuk dalam suratkhbar kerana di samping itu juga menjatuhkan maruah seseorang. Dalam Islam pun, rasa saya kalau kita menjatuhkan maruah seseorang itu susah, kita dapat dosa.

Saya bukan fasih sangat dalam soal ugama ini, saya rasa Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom boleh tetapi dia tidak menceritakan hal ini tadi. Itulah saya harap perkara-perkara yang seumpama ini dalam Akta Mesin Cetak dan Penerbitan ini dapat dijalankan supaya apa yang dibuat oleh pihak Kerajaan pada hari ini berhubung

dengan lesen percetakan, permit untuk menerbitkan akhbar, kawalan hasil penerbitan yang tak diinginkan dan berbagai-bagai lagi fasal-fasal yang telah dinyatakan susulan fasal di dalam Rang Undang-undang ini dapat dijalankan.

Soal-soal yang lain, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah dan saya harap sebagaimana saya ulangi lagi supaya cetak-mencetak ini, apa sahaja cetakan-cetakan yang dibuat oleh orang yang mencetak supaya nama-nama pencetak itu dicatatkan di belakang, waima kad-kad jemputan, kad-kad jemputan hariraya sekalipun, ini juga dijadikan bahan-bahan, kad jemputan hariraya umpamanya kadang-kadang ada juga yang menyinggung perasaan seseorang, kadang-kadang menyinggung di segi ugama kita, kadang-kadang menyinggung daripada segi individu dan kadang-kadang menyinggung juga perasaan ahli-ahli politik digunakan dalam kad-kad jemputan seperti kad jemputan hariraya dan sebagainya. Iutlah harapan saya, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi dengan adanya Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini mudah-mudahan perkara yang berlaku pada hari ini dapat diatasi sedikit demi sedikit kepentingan bangsa dan negara kita.

Sekian sahaja dan saya bersama-sama mencadang dan menyokong atas Rang Undang-undang yang telah dibentangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.37 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan penuh penghargaan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom Maasom, Puan Hasanah Haji Mohd. Kassim, Tuan Fadzil Mahmood, Tuan

Haji Abdul Razal Abu Samah kerana telah sudi mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang dibentangkan sejak petang Jumaat, 13hb April, 1984.

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom mengesyorkan supaya Kerajaan mengharamkan majalah-majalah daripada luar negeri yang menyiarkan artikel-artikel yang boleh menjatuhkan imej negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sememangnya sentiasa memerhati dan meneliti majalah-majalah yang diimport daripada luar negeri. Sekiranya didapati ada majalah-majalah daripada luar negeri yang menyiarkan artikel-artikel yang boelh menjatuhkan imej atau maruah negara ini ataupun prasangka dari segi keselamatan dan ketenteraman awam negara ini maka Kerajaan tidak akan teragak-agak menyekat pengedaran majalah tersebut di negara ini.

Suka juga saya tegaskan di sini bahawa di bawah Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini, satu peruntukan telah dibuat di mana kuasa telah diberi kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengenakan bayaran deposit kepada mana-mana majalah atau penerbitan asing yang akan diimport ke negara ini. Dengan mengenakan syarat pembayaran deposit ini adalah dijangka nanti penerbitan majalah-majalah asing akan lebih berhati-hati dan akan lebih bertanggungjawab ke atas apa-apa artikel yang diterbitkan di dalam majalah mereka pada masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom juga menghulurkan ucapan syabas kepada Kementerian Dalam Negeri kerana membentangkan Rang Undang-undang ini. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada beliau di atas sokongan yang diberi kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat Kerajaan untuk menjaga dan membimbing perkembangan fikiran rakyat ke arah yang lebih manfaat. Peruntukan dalam Rang Undang-undang ini akan dapat mengawal dengan lebih berkesan terhadap penerbitan yang tidak bermoral atau yang berpotensi menjejaskan ketenteraman awam atau keselamatan negara.

Mengenai penerbitan dari Singapura, suka saya menyatakan di sini bahawa Rang Undang-undang ini membolehkan penerbit-penerbit dari Singapura mendapat permit penerbitan dari Kementerian Dalam Negeri. Ini merupakan amalan dua hala. Peruntukan ini sebenarnya berupaya mengawal dan membendung masalah yang mungkin timbul.

Menyentuh soal pita rakaman yang diedarkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang mana ianya boleh menjejaskan perpaduan rakyat, saya mengambil kesempatan ini menyatakan bahawa Kerajaan telah mengkaji masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, dan adalah menjadi hasrat Kerajaan berasaskan Fasal 11 (2) Rang Undang-undang ini untuk mengawal, membendung keadaan ini sebelum ianya menjadi suatu masalah yang memudharatkan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibentangkan bukan bertujuan untuk mengongkong atau menghadkan kegiatan-kegiatan dakwah yang dikendalikan oleh orang-orang yang benar-benar memahami seluk beluk hukum dan sebagainya yang berkaitan dengan ugama Islam. Ianya, Tuan Yang di-Pertua, antara lain berhasrat untuk menyekat dan menghalang mereka-mereka yang ingin meracuni pemikiran rakyat dengan pelbagai isu yang boleh mencetuskan perkelahian, pergeseran dan percakaran sama sendiri semata-mata kerana tujuan politik atau peribadi.

Kerajaan sebenarnya ingin mewujudkan dan menghayati perpaduan yang tulin di kalangan rakyat semoga mereka berupaya menjalankan kegiatan-kegiatan ibadat tanpa halangan, rintangan dan gangguan.

Kerajaan ingin melihat rakyat khususnya orang-orang Islam mempraktikkan perpaduan dengan erti kata yang sebenar-benarnya. Kerajaan sekali-kali tidak ingin melihat orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan orang-orang yang tidak memahami soal-soal yang berkaitan dengan keselamatan negara dan ketenteraman awam mengabui dan mengkaburi mata rakyat yang tidak mempunyai kefahaman ugama yang mendalam sehingga terperangkap atau terjebak dengan tipu muslihat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini sebagaimana saya katakan tadi menghendaki pengeluaran dan penerbit lebih bertanggungjawab dan lebih accountable, dengan izin, mengenai perkara-perkara yang dirakamkan dalam pita-pita rakaman masing-masing. Mereka dikehendaki mencatat nama-nama mereka semoga sekiranya terdapat penyelewengan di mana-mana bahan yang terkandung dalam pita rakaman atau piring-piring rakaman mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam, maka tindakan sewajarnya boleh di ambil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hasanah binti Mohd. Kassim telah juga menyentuh soal pita rakaman. Jadi sebagaimana saya perkatakan tadi, Fasal 11 (2) menetapkan bahawa tidak seorang pun boleh menerbit, menjual, mengelilingi, mengedar atau menawarkan untuk menerbit pita rakaman yang tidak mempunyai nama dan alamat pencetak atau penerbit. Jadi penaltynya adalah satu tahun penjara atau \$5,000 denda atau kedua-duanya sekali.

Mengenai kawalan ke atas penerbitan dari luar negeri, hasrat Rang Undang-undang ini adalah untuk meletakkan penerbitan dalam negeri sama tarafnya dengan penerbitan luar negeri. Dari segi

penguatkuasaan undang-undang, kita berkehendakkan supaya mana-mana penerbitan memahami soal-soal yang berkaitan, dengan izin, liability dan accountability. Jadi, kawalan dan pengawasan positif telah dan akan terus diambil oleh Kementerian Dalam Negeri demi menjaga akhlak mulia, maruah ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah telah menyentuh perkara-perkara yang hampir sama dengan apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Puan Hafsah dan Yang Berhormat Tuan Fadzil. Pada hemat saya, oleh sebab apa yang disentuh oleh beliau merupakan sesuatu yang hampir sama, maka eloklah saya hanya menyentuh satu sahaja iaitu berhubung dengan surat layang dan fitnah, cetak barang palsu dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran mesin cetak adalah dikawal di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini. Peruntukan ini adalah mencukupi untuk mengawasi dan mencegah masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu. Kementerian Dalam Negeri mengikuti segala perkembangan, semua penerbitan yang diedarkan di negeri ini. Tindakan sewajarnya diambil dengan segera jika terdapat sesuatu makalah atau sesuatu perkara atau penerbitan yang boleh menjejaskan nilai-nilai masyarakat. Kementerian Dalam Negeri telah dan akan mengawal corak dan perkembangan penerbitan yang agak kurang bermoral. Pihak penerbit telah diberi nasihat dan amaran sewajarnya apabila perkara ini timbul. Tindakan tegas selanjutnya akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap penerbitan ditentukan kadar pengeluaran mengikut jenis dan coraknya. Di antaranya adalah penerbitan yang bercorak hiburan tidak terlalu mengongkong kebebasan persuratkhabaran, kita perlu awasi supaya penerbitan itu tidak menjejaskan nilai-nilai akhlak mulia, ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu mengenai isu-isu, komen-komen yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, segala hujah-hujah, pandangan-pandangan, idea-idea yang bernas itu akan diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya oleh Kementerian Dalam Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 27 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN TIMAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.54 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta

untuk meminda Ordinan Kawalan Timah, 1954 yang mana di dalam Rang Undang-undang tersebut Akta itu dinamakan Akta Kawalan Timah (Pindaan) 1984, dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum bahawa eksport timah memainkan peranan penting di dalam pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, kemerosotan yang dialami di dalam nilai eksport timah dan seterusnya hasil cukai eksport negara pada tahun-tahun kebelakangan ini adalah akibat dari keadaan pasaran timah antarabangsa yang tidak stabil berikutan ketidakseimbangan di antara penawaran yang permintaan yang mempengaruhi harta timah di pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir tahun 1981 dan sepanjang tahun 1982 harga timah di pasaran dunia merosot sama sekali sementara pada awal tahun 1983 telah mula menambahkan sedikit suatu tanda yang baik ke atas pemulihan harga.

Ini adalah sebahagian dari hasil penguatkuasaan kawalan eksport oleh Majlis Timah Antarabangsa iaitu selaras dengan peruntukan di dalam Perjanjian Timah Antarabangsa Yang Keenam. Walau bagaimanapun, di dalam awal tahun 1984 ini harga timah di pasaran dunia masih berada di paras yang tidak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam telahpun berkuatkuasa secara sementara mulai pada 1hb Julai, 1982 dan ianya telah meletakkan satu asas yang kukuh untuk suatu tindakan yang bersepadu dan berkesan khususnya untuk negara-negara pengeluar utama di dunia ini.

Malaysia sebagai pengasas Perjanjian tersebut serta kekal sebagai negara pengeksport timah yang terbesar ke pasaran antarabangsa mempunyai peranan yang penting dan berpengaruh di dalam menentukan keberkesanan

suatu tindakan seperti langkah kawalan eksport yang sedang dikuatkuasakan oleh Majlis Timah Antarabangsa mencapai hasrat dan objektifnya.

Negara Malaysia telah memperlihatkan kewibawaannya di dalam melaksanakan langkah kawalan eksport tersebut melalui penguatkuasaan peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti Ordinan Kawalan Timah, 1954, Peraturan Kawalan Timah (Pergerakan Bijih Padat Timah), (1977) serta usaha-usaha bersama dengan Dewan-dewan dan Kesatuan-kesatuan Pekerja Perlom-bongan Malaysia untuk memupuk sikap disiplin di kalangan mereka yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti melombong dan perdagangan timah.

Sukalah saya menegaskan bahawa ejensi-ejensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan dengan penguatkuasaan peruntukan undang-undang yang sedia ada telah menjalankan peranannya secara berkesan. Dalam tahun 1981, seramai 20 orang telah didakwa di mahkamah dengan melibatkan rampasan sebanyak 35,934 kg bijih timah bernilai \$1.36 juta. Dalam tahun 1982, jumlah orang di dakwa di mahkamah meningkat kepada 50 orang kesemuanya dengan melibatkan bijih padat timah yang berjaya dirampas sebanyak 73,859 kg bernilai \$2.17 juta. Seterusnya di sepanjang tahun 1983 sejumlah 35 orang telah berjaya didakwa di mahkamah dengan jumlah bijih padat timah yang dirampas sebanyak 135,150.42 kg bernilai \$4.1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ejensi-ejensi Kerajaan tersebut telah menjalankan peranannya secara berkesan, namun adalah didapati beberapa Seksyen Ordinan Kawalan Timah, 1954 perlu dipinda sekarang untuk memberi cengkaman kuasa yang lebih luas lagi.

Dengan pindaan yang dibuat ini, maka Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab kepada perlombongan boleh membuat pindaan-pindaan segera ke atas Peraturan-peraturan Kawalan Timah (Pemindahan Bijih

Padat Timah), 1977 untuk memberi cengkaman kuasa yang lebih luas kepada ejensi-ejensi penguatkuasa Kerajaan seperti Jabatan Kastam, Jabatan Polis dan Jabatan Galian untuk membenteras penyeludupan timah dan pengelakan duti ke atas timah dan bijih padat timah serta segala jenis aktiviti yang boleh membawa kepada penyeludupan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dikemukakan ini ialah untuk meluaskan cengkaman Akta ini ke atas segala bentuk pergerakan timah di dalam negara, khususnya bagi membenteras penyeludupan timah ke luar negeri dan pengelakan duti ke atas timah dan bijih padat timah dan juga bagi melaksanakan langkah-langkah yang diambil melalui Perjanjian Timah Antarabangsa.

Cadangan pindaan kepada Ordinan Kawalan Timah, 1954 adalah meliputi:

1. Meminda Tajuk Ordinan;
2. Meminda Seksyen 3(1);
3. Mewujudkan satu peruntukan baru di dalam Seksyen 3(2) dan;
4. Meminda Seksyen 4, Ordinan Kawalan Timah, 1954.

Ringkasan pindaan yang dicadangkan adalah dirumuskan seperti berikut:

1. Meminda Tajuk Ordinan Kawalan Timah, 1954 – Perenggan 1, Ordinan Kawalan Timah, 1954.

Akta Kawalan Timah, 1954 yang dalam Akta ini disebut "Ordinan", adalah dipinda dengan memasukkan dalam tajuk panjang perkataan "movement", dengan izin, selepas perkataan "purchase" dan perkataan "and" selepas perkataan "concentration", dengan izin.

Ini adalah untuk meluaskan bidang Ordinan tersebut untuk kegunaan-kegunaan dan keperluan di dalam negara, di samping maksud asal Ordinan ini untuk melaksanakan langkah-langkah

yang diambil melalui Perjanjian Timah Antarabangsa. Pindaan tajuk ini akan memberi kuasa yang sewajarnya kepada Agensi-agensi Penguatkuasaan untuk menguatkuasakan secara berkesan pelaksanaan dasar-dasar negara yang berkaitan dengan aktiviti perlombongan dan perdagangan timah. Jelaslah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dengan memasukkan perkataan "movement" dalam tajuk Ordinan ini, maka Agensi Penguatkuasa adalah diberi kuasa yang diperlukan untuk mengawal segala bentuk pergerakan timah di dalam negara ini bagi membentasi penyeludupan timah dan pengelakan bayaran duti ke atas timah dan bijih padat timah serta segala jenis aktiviti yang boleh membawa kepada penyeludupan.

Tuan Yang di-Pertua, penyeludupan bijih timah pada masa-masa yang lepas menggunakan helah apabila ditahan iaitu dengan memberi pengakuan bahawa timah yang sedang dibawa dari satu tempat ke satu tempat yang berkenaan bukanlah untuk dijual atau dieksport tetapi sekadar untuk memunggah timah tersebut dari satu tempat ke satu tempat yang lain di dalam sempadan sesebuah negeri.

2. Meminda Seksyen 3, Ordinan Kawalan Timah, 1954.

Seksyen 3, Ordinan ini adalah dipinda dengan menggantikan Subseksyen (1) yang sedia ada dengan satu Subseksyen (1) yang baru seperti di bilangan 3 di dalam Rang Undang-undang ini.

Tujuan meminda Seksyen ini ialah untuk meluaskan bidang kuasa Menteri Perusahaan Utama terhadap perlombongan untuk membuat peraturan-peraturan khususnya bagi maksud mengawal segala bentuk pergerakan timah dan bijih padat timah di dalam

negara dan untuk melaksanakan langkah-langkah yang diambil melalui Perjanjian Timah Antarabangsa; serta untuk semua perkara yang berkaitan dengannya. Dengan wujud kuasa yang lebih luas di bawah peruntukan yang dicadangkan ini, maka Menteri yang bertanggungjawab boleh melaksanakan pentadbiran dan pengawasan yang lebih menyeluruh dan berkesan terhadap segala bentuk aktiviti perlombongan dan perdagangan timah bagi kepentingan negara keseluruhannya.

3. Mewujudkan satu peruntukan baru di dalam Seksyen 3(2) dengan memasukkan selepas perenggan (a) Subseksyen tersebut, perenggan (aa) sepertimana di dalam bilangan 3(b) Rang Undang-undang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan mewujudkan satu peruntukan baru di dalam Seksyen 3(2) di dalam Ordinan tersebut adalah untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang diperlukan untuk memberi kuasa kepada pegawai-pegawai penguatkuasa untuk menggeledah, mensita, menangkap, membuat sekatan di tempat-tempat awam, menyiasat dan memeriksa orang dan selanjutnya mengadakan peruntukan bagi menyimpan, pelepasan atau lain-lain pelepasan atau apa-apa barang yang disita di bawah peraturan-peraturan itu, membuat anggapan kebolehterimaan fakta-fakta dan dokumen-dokumen dalam prosiding mahkamah dan perkara-perkara yang berhubung dengan "informer", dengan izin, ataupun yang memberitahu perkara itu. Jelasnya peruntukan baru yang dicadangkan ini akan memberi kuasa yang lebih luas kepada pegawai-pegawai penguatkuasa untuk benteras segala bentuk aktiviti di dalam negara yang boleh membawa kepada penye-

ludupan dan pengelakan ke atas bayaran duti export timah. Pewujudan peruntukan baru ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah penting memandangkan bahawa Agensi Penguatkuasa perlu diberi kuasa yang luas dan mutlak bagi membolehkannya bertindak dengan berbagai cara yang berkesan selaras dengan hasrat negara untuk mewujudkan aktiviti perlombongan dan perdagangan timah yang progresif dan terkawal.

4. Meminda Seksyen 4, Ordinan Kawalan Timah, 1954 dengan menggantikan perkataan "Ketua Merinyu Galian" dengan perkataan "Ketua Pengarah Kastam dan Eksais".

Tuan Yang di-Pertua, tujuan meminda Seksyen 4 Ordinan ini adalah untuk memastikan kepada sesuatu Agensi Penguatkuasa atau seseorang pegawai; dalam hubungan ini, Ketua Pengarah Kastam, mempunyai jentera pentadbiran atau keupayaan yang siap sedia untuk menjalankan penguatkuasaan yang tersebut secara maksima dan berkesan sebaik sahaja ianya diluluskan oleh Kerajaan. Di dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, cadangan pemberian hadiah kepada "informer", dengan izin, ataupun yang memberitahu, di bawah Seksyen 4 Ordinan ini oleh Ketua Pengarah Kastam adalah lebih bermanfaat memandangkan jentera pentadbiran Jabatan Kastam terbukti lebih berupaya dan bersedia untuk menjalankan penguatkuasaan yang berkaitan dengan Seksyen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan seperti yang dicadangkan di atas Rang Undang-undang ini, bolehlah Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab membuat Per-

aturan-peraturan Kawalan Timah Tahun 1984 yang telah dirancang untuk dikuatkuasakan segera bagi menggantikan Peraturan Tahun 1977 yang sedia ada. Peraturan-peraturan Kawalan Timah (Pemindahan Bijih Padat Timah) Tahun 1984 tersebut adalah berasaskan kepada pengalaman selama 6 tahun yang telah diperolehi sepanjang tempoh penguatkuasaan Peraturan Tahun 1977 yang tersebut. Di antara ciri-ciri utama Peraturan Tahun 1984 ini adalah seperti berikut:

1. Memiliki, menyimpan dan mengawal bijih timah tanpa permit yang sah adalah suatu kesalahan undang-undang;
2. Syarat-syarat yang lebih ketat dikenakan ke atas seseorang yang terlibat di dalam pergerakan dan penghantaran bijih timah di luar kawasan yang ditetapkan;
3. Pegawai-pegawai Penguatkuasa semasa menahan dan menggeledah pengangkutan yang disyaki diberi kuasa yang luas untuk menggeledah;
4. Peruntukan yang membolehkan pengambilan contoh-contoh bijih timah;
5. Kuasa untuk mendapatkan maklumat;
6. Hukuman denda yang khusus ke atas sesuatu kesalahan;
7. Hukuman denda bagi kesalahan melanggar syarat-syarat yang berhubung dengan pergerakan dan pemilikan bijih padat timah telah ditambah dari \$500 kepada \$50,000 dan tempoh hukuman penjara dari 6 bulan kepada 2 tahun;
8. Peruntukan khas bagi merampas dan mendenda; dan
9. Nama dan nombor kad pengenalan tuan punya kenderaan, pemandu dan juga kelenda akan dicatit di dalam permit

untuk memudahkan pihak Kerajaan mengesan dan mengambil tindakan yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menaruh keyakinan terhadap keupayaan, kebolehan dan kegigihan para Pegawai Penguatkuasa yang diberi kuasa di bawah Ordinan ini bahawa mereka dengan perbekalan kuasa yang lebih luas sepertimana yang diperuntukkan di dalam Undang-undang ini akan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan dan teratur di dalam membenteras segala rupa bentuk penyeludupan serta segala aktiviti-aktiviti yang boleh membawa kepada penyeludupan timah dan bijih padat timah di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kawalan Timah, 1954 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.11 ptg

Dato Chin Kim Yoong: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk turut berbincang dalam pindaan Rang Undang-undang Ordinan Kawalan Timah 1954.

Saya terlebih dahulu menyokong penuh ke atas pindaan tersebut kerana selepas 30 tahun Ordinan yang tersebut memang terdapat banyak bahagian yang tidak sesuai digunakan lagi untuk hari ini. Tuan Yang di-Pertua, kita memang tidak dapat menafikan bahawa perusahaan bijih timah telah memainkan peranan utama dari pembangunan negara kita kerana ke-

merosotan ekonomi sedunia, maka perusahaan ini khasnya dalam tahun-tahun kebelakangan ini ia telah mengalami satu kesukaran untuk survival. Sebagaimana kita tahu kerana harga-harga bijih yang kurang memuaskan pengeluaran dihadkan dan ditambah pula kos melombong telah dinaikkan sedemikian tinggi, maka banyak lombong-lombong kecil yang tidak tahan pukulan itu telah ditutup. Lombong-lombong yang masih hidup kebanyakan mereka hanya tinggal nyawa ikan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum pengangkutan bijih timah dalam negara kita khususnya dalam negeri tidak kira jauh atau dekat, pihak berkenaan memang telah melaksanakan banyak sekatan-sekatan dan segala sekatan ini memang sudah cukup untuk mengawal perusahaan ini. Sebagaimana yang diketahui mulai dari 1hb April masa untuk mengangkut bijih timah telah dihadkan iaitu dari 8.00 pagi hingga 4.30 petang. Kerja-kerja untuk memperoses bijih bersih dari sesebuah lombong biasanya adalah dijalankan pada siang hari dan dia adalah digunakan tenaga manusia, ia juga memerlukan masa yang lama. Biasanya sehabis sahaja mereka memproses dengan segeranya bijih timah tersebut akan diangkut ke syarikat-syarikat yang membeli. Oleh yang demikian, amat susah untuk para pelombong untuk menyesuaikan masa pengangkutan tersebut. Kalau bijih tersebut disimpan di sesebuah lombong untuk menunggu masa pengangkutannya maka ia telah memperuntukkan satu peluang besar kepada perompak dan pencuri dan ini akan menimbulkan satu kerugian besar kepada para pelombong. Tuan Yang di-Pertua, segala kegiatan menyeludup bijih timah yang dapat ditangkap itu dengan sendirinya telah membuktikan bahawa kesemua mereka ini bukanlah orang-orang yang betul-betul menjalankan perusahaan bijih timah. Mereka adalah dirancang dan dikawal oleh organisasi-organisasi, segala

kenderaan untuk mengangkut bijih timah juga direka khas untuk kegiatan tersebut. Segala kegiatan haram ini adalah berlaku dalam pengangkutan dari sebuah negeri ke sebuah negeri atau melalui Kastam-kastam ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan atas hakikat yang tersebut saya menyokong penuh kepada pihak Kerajaan untuk mengambil langkah-langkah untuk mencegah segala kegiatan haram dalam perusahaan bijih timah agar usaha tenaga kita dalam mengawal dan mengekalkan harga bijih tidak terjejas. Tetapi saya juga ingin menarik perhatian pihak Kerajaan supaya semasa menguatkuasakan sesuatu undang-undang itu mesti memastikan bahawa undang-undang tersebut memang tidak mengganggu para pelombong dan keselamatan mereka adalah terjamin dan segala sekatan yang tidak perlu itu patut dihapuskan.

Akhirnya, saya menyokong penuh pindaan Rang Undang-undang Ordinan Kawalan Timah 1984.

5.15 ptg.

Tuan Basharon bin Hanapiah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang yang dinamakan Suatu Akta Kawalan Bijih Timah pindaan 1984 yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini sebentar tadi oleh Yang Berhormat Tuan Bujang bin Haji Ulis, Timbalan Menteri Perusahaan Utama yang saya hormati.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang kita hormati dan kita kasihi yang telah mengambil tindakan untuk membuat beberapa pindaan kepada Akta Kawalan Timah 1954 sepertimana yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Pindaan-pindaan tersebut adalah perlu dan mustahak untuk

mensesuaikan dengan keadaan masa dan negara kita Malaysia yang sedang membangun dengan pesatnya sekarang ini. Pindaan Seksyen 3(a) dengan menggantikan Subseksyen (1) dengan Subseksyen (1) yang baharu adalah merupakan satu tindakan yang baik dan patut diberi pujian kepada Yang Berhormat Menteri yang telah diberi tugas dan tanggungjawab untuk melaksanakan pindaan-pindaan tersebut. Dengan adanya pindaan tersebut maka dapatlah Kerajaan mengambil tindakan yang lebih berkesan lagi terhadap penyeludupan bijih timah yang sedang berlaku di negara kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyeludupan bijih timah di negara kita ini bukanlah dilakukan oleh orang-orang perseorangan akan tetapi telah dilakukan oleh satu kumpulan yang dianggotai oleh taukeh-taukeh yang kaya yang dirancang begitulah rapi yang berpusat di Ipoh, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Singapura. Mereka itu orang-orang yang bertanggungjawab di atas penyeludupan bijih timah di negara kita sekarang ini. Mereka yang bertanggungjawab ini mestilah dihapuskan dengan apa cara sekalipun dan mereka inilah yang menjadi punca penyeludupan bijih timah di negara kita. Saya difahamkan penyeludupan bijih timah bukannya dilakukan dengan menggunakan lori-lori dan kereta-kereta kecil sahaja tetapi juga dilakukan dengan menggunakan keretapi, kapal-kapal dan tongkang-tongkang di negara kita. Oleh itu dengan adanya pindaan Seksyen 3 (b) (2) yang sedang dibahaskan sekarang ini maka saya mohon mencadangkan supaya Kerajaan menjalankan satu penyiasatan yang teliti sama ada benar atau tidak penyeludupan bijih timah pernah dilakukan melalui keretapi, kapal-kapal dan tongkang-tongkang di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kastam Di Raja Malaysia yang mana selama ini tidak

boleh dinafikan sentiasa berusaha ber-sungguh-sungguh untuk menghapuskan penyeludupan bijih timah di negeri kita. Tanpa sokongan dan kerjasama dari mereka penyeludupan tidak dapat dihapuskan. Oleh itu tindakan Kerajaan untuk meminda Seksyen 4 Ordinan Kawalan Timah, 1954 dengan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam dan Eksais adalah merupakan tindakan yang tepat dan patut diberi pujian oleh seluruh rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan ada beberapa Akta ataupun Ordinan-ordinan yang dikuatkuasakan di waktu negara kita masih lagi dijajah oleh penjajah British, masih lagi digunakan dalam negara kita sekarang ini, padahal saya difahamkan ada di antara Akta-akta ataupun Ordinan-ordinan tersebut sekarang ini tidak lagi sesuai digunakan di negara kita yang sudahpun mencapai kemerdekaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Kerajaan melantik sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji Ordinan-ordinan tersebut sama ada boleh digunakan lagi sekarang ini ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menyokong Rang Undang-undang Kawalan Timah (Pindaan) 1984.

5.21 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kawalan Timah, 1954 yang mana sebentar tadi telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam Dewan yang mulia ini.

Kita mengucapkan terima kasih di atas kesedaran pihak Kerajaan kita pada hari ini setelah bertahun-tahun orang-orang yang tidak bertanggung-jawab mendapat hasil yang begitu banyak berhubung dengan penyeludupan-penyeludupan bijih timah ini ke

luar negeri. Boleh dikatakan dalam sebulan sampai dua kali atau tiga kali penyeludupan berlaku yang dapat dikesan dan ditangkap tetapi yang tidak ditangkap kita tidak tahu berapa banyak yang telah berlaku dan berapa banyakkah wang negara kita telah mengalir ke luar negeri oleh sindiket-sindiket yang menjalankan penye-ludupan bijih timah ini. Dengan adanya kuasa-kuasa yang diberi dalam Akta Kawalan Timah (Pindaan) 1984 ini, saya berharap perkara utama yang kita bincangkan pada hari ini dapat diban-teraskan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bijih timah boleh dikatakan satu hasil negara kita, eksport negara kita ke luar negeri iaitu pada satu masa harga bijih timah begitu melambung tinggi, keadaan negara kita dan kewangan negara kita juga teguh. Oleh itu dalam keadaan ini kemungkinan harga timah pada masa ini telah menurun dan banyak juga lombong-lombong yang telah ditutup tetapi, insya Allah, mudah-mudahan rasa saya kerana timah ini masih diguna-kan oleh seluruh dunia, kemungkinan harga ini akan naik. Oleh itu dalam ke-adaan ini dengan adanya Akta ini dapat-lah pihak Kerajaan menjaga apabila masalah ini timbul nanti dapatlah ka-walan-kawalan yang ketat dijalankan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen-seksyen yang telah dibacakan tadi, yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu Fasal 3 yang bertujuan meminda Seksyen 3 Ordinan untuk memberi kepada Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggung-jawab melombong kuasa untuk mem-buat peraturan-peraturan yang mem-beri kepada pegawai-pegawai penguat-kuasa untuk menggeledah dan sebagai-nya, seperti yang telah diterangkan tadi. Di sini saya ingin memberi pandangan ataupun cadangan kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama kerana selama ini lombong-lombong bijih yang diusahakan dalam negeri kita ini bolehlah dikatakan ke-

banyakannya diusahakan oleh bukan kaum Bumiputera. Jadi dengan adanya kuasa Menteri yang dicatatkan dalam Fasal 3 ini supaya dapat di masa-masa yang akan datang lombong-lombong yang akan dibuka, pemberian-pemberian tanah lombong supaya dapat pula diagihkan kepada kaum Bumiputera khususnya. Saya rasa kaum bukan Bumiputera janganlah pula berkecil hati kerana mereka ini telah mendapat hasil yang lumayan lebih dahulu. Oleh itu tibalah masanya pula rasa saya bagi pihak Kerajaan memberikan pula rezeki ini kepada kaum Bumiputera dan jikalau tidak boleh Bumiputera, diwajibkan pula supaya mereka ini berkongsi dengan bukan Bumiputera mengagihkan bijih timah daripada lombong-lombong.

Itulah harapan saya kepada pihak Menteri dan pihak Kerajaan kerana Fasal 3 ini ada di berikan kuatkuasa Menteri melombong khususnya dan sebagainya. Di samping itu juga dalam pemberian lombong-lombong yang telah lalu, kita nampak pada hari ini boleh dikatakan dimonopoli oleh seseorang yang mendapat hasil lombong itu. Mereka ini setelah habis sahaja lease lombong yang digali, mereka ini berdalih pula dengan mendapatkan tanah itu untuk dijadikan projek perumahan. Ini juga kita harap jangan dibiarkan satu orang sahaja untuk menikmati ataupun untuk mendapat rezeki yang begitu lumayan. Di samping itu pula mereka ini juga ada membuat sindiket menubuhkan syarikat-syarikat yang mana syarikat itu juga diduduki oleh tuan-tuan lombong ini suruh minta pasir dan sebagainya di atas nama syarikat itu juga sendiri.

Oleh itu dalam keadaan ini rasa saya semuanya daripada dalam tanah sehinggakan pasir, sehinggakan tanah hendak dirikan rumah juga dibuat oleh satu orang sahaja. Oleh itu dalam masalah ini kita harap kepada pihak Menteri, kalau mereka telah mendapat hasil di dalam bumi, di atas bumi berilah

pula kepada manusia yang lain kerana kita tidak mahu mereka ini memonopoli ataupun untuk mengongkong satu-satu itu. Perkara ini berlaku saya rasa setiap masa. Dengan adanya undang-undang ini kita harap Menteri dan juga untuk dapat bekerjasama dengan Menteri-menteri Besar dari tiap-tiap negeri yang ada dalam Malaysia ini supaya dapat bekerjasama bagi mengatasi masalah-masalah yang saya sebutkan tadi.

Soal-soal yang lain berhubung dengan perlombongan ini juga kita berharap banyak lombong-lombong yang tinggal sekarang ini. Sungguhpun pada satu masa ada undang-undang mengatakan tiap-tiap pelombong yang telah habis tempohnya pelombong-pelombong itu mestilah menimbus balik lombong-lombong ataupun lubang-lubang yang digali. Tetapi apa yang kita lihat pada hari ini banyak lagi lombong-lombong yang tinggalkan begitu sahaja. Taukeh-taukeh ini telahpun mencedok wang-wang begitu banyak, ditinggalkan sahaja sehinggakan Kerajaan kita pada hari ini menanggung kerugian yang banyak apabila hendak menimbuskan satu-satu lubang lombong itu memakan belanja berjuta-juta ringgit, sedangkan hasil yang mulanya telah didapati, ditinggalkan begitu sahaja. Sungguhpun Kerajaan dapat duit dan sebagainya tetapi tidak mencukupi bagi menampung ataupun hendak menimbus lubang-lubang. Umpamanya yang ada di Jalan Seremban sebagaimana saya pernah menyatakan begitu jauh ataupun dalamnya lombong itu sekarang telah melimpah air-air keluar. Di segi keselamatan manusia juga rasa saya inipun kita takut lombong-lombong yang begini akan memakan nyawa manusia dan di samping itu juga akan digunakan oleh anasir-anasir jahat sama ada hendak mencampakkan manusia, sama ada hendak memasukkan kereta yang dicuri dan berbagai-bagai lagi mereka ini boleh buat. Oleh itu dalam masalah ini ada kuasa Menteri supaya dijalankan kuatkuasa di samping menjalankan menangkap penyeludup-penyeludup

ini. Di samping itu harus juga perkara-perkara yang lain juga kita atasi.

Soal yang lain iaitu soal penyeludupan ini, kita berharap juga Kerajaan Singapura mahu bekerjasama dengan kita iaitu jangan membiarkan sahaja menerima penyeludup-penyeludup ini datang ke Singapura menjualkan timah-timah yang datang ke sana, kerajaan di sana membisu kerana mendapat untung. Oleh itu, kita berharap Kerajaan Malaysia dan Singapura dapat berunding, jikalau dapat ditangkap sesiapa pun dibawa balik ke mahkamah di sini dan dibicarakan, disabit kesalahan mereka dan dijatuhkan hukuman yang sekeras-kerasnya kerana mereka ini menyalahi undang-undang dan melarikan wang negara.

Itulah harapan saya di dalam huraian atau mengambil bahagian untuk meminda Ordinan Kawalan Timah 1984 dan dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan kerana membuat undang-undang ini. Dengan adanya undang-undang ini kita berharap, kita berdoa mudah-mudahan hasrat Kerajaan pimpinan Perdana Menteri kita berkehendakkan bersih, cekap, amanah dapat dijalankan dan begitu juga kita harap di sini kadang kala dalam masalah ini harus juga pihak-pihak kakitangan Kerajaan atau pegawai-pegawai Kerajaan jaga mestilah bersih, cekap, amanah ini juga berjalan bersama. Kadang kala ada perkara ini dilepaskan begitu sahaja, ada perkara-perkara ini dibuat atau yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Kerajaan kita yang tidak bertanggungjawab. Selagi kuatkuasa ini kita buat dan selagi ada pegawai-pegawai Kerajaan yang dikatakan ada musuh dalam selimut apa sahaja undang-undang yang kita buat tidak akan tercapai. Oleh itu, kita berharap pihak-pihak yang berkenaan bersama-sama dengan Kerajaan bagi

menyelesaikan masalah-masalah yang merugikan hasil negara kita.

Sekian, terima kasih dan dengan ini juga saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.32 ptg

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi bercakap mengenai Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh saya di sidang ini dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga harus saya tujukan kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato Chin Kim Yoong, Yang Berhormat Tuan Bashron bin Hanapiah, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah yang bukan hanya bercakap tetapi bercakap menyokong tindak-tanduk atau langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan dengan membentangkan Rang Undang-undang ini untuk menentukan supaya industri perlombongan di negara kita akan sentiasa dijaga, akan sentiasa diberi perhatian supaya ianya tidak akan merugikan orang-orang yang terlibat dalam aktiviti ini, tidak merugikan negara dan tidak juga merugikan seluruh negara-negara yang mengeluarkan bijih timah.

Pandangan berat mereka terhadap industri perlombongan ialah sama juga dengan pandangan berat pihak Kerajaan dan sebab itulah dengan memberi perhatian yang begini berat dan serius terhadap aktiviti dan industri perlombongan ini maka sebab itulah dari semasa ke semasa Kerajaan sentiasa meneliti akan undang-undang yang sedia ada dan mengubahsuai supaya ianya lebih dapat dipergunakan untuk mengawasi akan industri itu supaya industri itu lebih berkesan lagi

demi kepentingan bangsa dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah sebagaimana kita sedia maklum dan telah saya sebutkan tadi dalam ucapan mengemukakan Rang Undang-undang ini betapa Kerajaan memandang berat atas aktiviti perlombongan dan atas aktiviti-aktiviti mereka yang tidak bertanggungjawab yang bukan hanya menjejaskan industri perlombongan tetapi menjejaskan seluruh harapan negara kita berhubung dengan aktiviti perlombongan. Ini adalah bertujuan kepada mereka yang menyeludup, mereka yang ingin hanya keuntungan ini didapati oleh mereka sendiri tetapi tidak ingin melihat negara keseluruhannya, rakyat keseluruhannya akan dapat sama-sama menikmati keuntungan dari industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato Chin menyentuh mengenai perkara menyekat pengangkutan timah selepas waktu pejabat dan memohon supaya kelonggaran dapat diberi. Ingin saya jelaskan bahawa jika pihak pelabur dapat menyediakan tempat simpanan khas berkunci dan berasingan di antara pemilik yang berasingan masing-masing, maka saya rasa ini akan dapat kita selesaikan. Walau bagaimanapun Kerajaan akan meneliti perkara ini dan akan menentukan supaya ianya tidak menyusahkan pihak yang terlibat dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Basharon Hanapiah telah menyentuh mengenai salah satu daripadanya ialah undang-undang yang dikatakan pada masa ini ialah asalnya daripada zaman British. Perlu saya jelaskan bahawa sebagai sebuah negara yang merdeka yang mempunyai Dewan Rakyat dan Dewan Negara memanglah Kerajaan selama ini telah menggunakan Dewan-dewan ini untuk menyesuaikan Ordinan-ordinan yang ada supaya ianya dapat dipergunakan bukan di zaman British tetapi di zaman negara kita telah mencapai kemerdekaan dan

selaras dengan aspirasi negara dan aspirasi rakyat yang merdeka. Yang Berhormat Tuan Bashron juga telah menyentuh bahawa penyeludupan ini juga mungkin berlaku dalam kapal, di dalam perahu, dalam keretapi dan sebagainya. Saya rasa dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan, kita percaya pengetatan akan kawalan terhadap aktiviti ini termasuk juga yang dilakukan melalui keretapi, kapal, ataupun yang lain-lain itu akan dapat kita ambil tindakan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong pihak Kerajaan atas tindakan yang diambil untuk membentangkan Rang Undang-undang ini, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah juga mencadangkan supaya Kerajaan lebih benar-benar serius mengawal akan aktiviti penyeludupan, bukan hanya mencadangkan yang pihak Kementerian yang bertanggungjawab akan mengawasi dengan serius, berkesan tetapi pihak-pihak pegawai-pegawai Kerajaan juga diminta supaya memberi kerjasama dengan lebih berkesan. Di samping itu beliau juga mencadangkan supaya negara Singapura memberi kerjasama kepada negara kita untuk menentukan supaya mereka itu bukan hanya ingin keuntungan daripada penyeludupan itu untuk mereka sendiri tetapi menyedari bahawa sekiranya mereka menerima akan bijih timah yang diseludup ke negara mereka, maka ini merugikan negara jiran seperti Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu langkah yang kita ambil ialah membentangkan Rang Undang-undang ini sekiranya dilulus, kita berharap akan dapat lebih berkesan lagi pengawasan dan kemonitoran, untuk monitor dalam bahasa Inggeris, akan aktiviti ini lebih berkesan lagi supaya dapat kita kawal akan aktiviti penyeludupan ini. Memanglah Kerajaan memandang berat atas aktiviti ini dan memandang berat atas ketidak kerjasama bukan hanya daripada negara jiran ataupun

negara yang menerima bijih timah yang diseludup ini tetapi memandang berat atas ketidak kerjasama daripada golongan atau sindiket dalam negeri, individukah, kumpulankah dan jika pihak kalau boleh dikatakan pegawai-pegawai Kerajaan walaupun harapan kita oleh kerana mereka adalah pegawai-pegawai Kerajaan kita maka mereka akan sentiasa serius.

Dalam usaha untuk menentukan Kerajaan Singapura dapat memberi kerjasama dengan kita, kita sebagai anggota Majlis Timah Antarabangsa telah berkali-kali menyuarakan kepada Majlis Timah Antarabangsa untuk mengarah ataupun merekomendasi London Metal Exchange di London supaya diregister salah sebuah daripada syarikat pelabur di Singapura itu, Kec Metal dan lain-lain lagi supaya dikeluarkan dari senarai LME sebagai satu tindakan untuk menghalang mereka daripada menerima bijih timah yang diseludup dari negeri kita.

Dan ini telah kita suarakan kepada Majlis Timah Antarabangsa dan Majlis Timah Antarabangsa telah mengambil tindakan dengan memberi ingatan kepada pihak L.M.E. supaya berbuat demikian. Walau bagaimanapun, setakat ini kita hanya menunggu sama ada pihak L.M.E. ini bersetuju atau tidak dan nampak-nampaknya "Indah khabar dari rupa", belum lagi dijalankan.

Dan kita sentiasa berunding dengan Kerajaan Singapura dan pengeluaran-pengeluar bijih timah, Kerajaan-kerajaan negeri-negeri yang mengeluarkan bijih timah pun dari masa ke semasa sentiasa berhubung dengan negara Singapura dan negara-negara yang difikirkan terlibat dengan aktiviti ini iaitu aktiviti melebur bijih timah haram supaya bekerjasama dengan kita.

Tetapi kita tidaklah boleh memaksa sebab kuasa itu kuasa mereka, negeri itu negeri mereka dan pelabur itupun

dalam negeri mereka. Jadi, apa yang kita boleh buat kita hanya berunding dan mengharapkan kerjasama yang luhur dan tulus ikhlas daripada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak juga menyentuh mengapa BCA. Pegawai-pegawai kita memanglah menjadi harapan kita Yang Berhormat Perdana Menteri pun mengharapkan supaya kita ini betul-betul BCA bukanlah hanya pegawai-pegawai yang harus BCA tetapi Yang Berhormat Senator-senator, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun juga mesti BCA.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak ialah individu yang begitu ingin akan kemenangan untuk dirinya sendiri atau kumpulan-kumpulan. Selepas mengambil pajakan tanah untuk melombong, selepas dilombong mereka tidak menimbus balik. Jadi, dalam usaha untuk menentukan yang kawasan yang dilombong ini ditimbus kembali, memang semasa mengeluarkan permit ataupun lease kepada pelombong, syarat-syarat yang tertentu telah ditetapkan. Misal kata memang ada wang memohon itu dari pihak yang dimohon untuk disimpan oleh pihak Kerajaan Negeri yang memberi permit dan dengan wang ini diharapkan apabila orang yang telah habis melombong dan tidak menimbus balik maka wang ini tidak akan dikembalikan kepada mereka.

Walaupun bagaimanapun, kita memang memandang serius terhadap perkara ini dan harapan kita ialah supaya dapat diteliti dengan serius dan tindakan yang tertentu diambil sama ada oleh pihak Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan, tetapi oleh sebab tanah ini pihak Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab selepas dilombong maka diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri.

Begitu juga mengenai individu ataupun kumpulan yang selepas

mendapat lease melombong memohon juga untuk mendapat kawasan bekas lombong itu untuk buat rumah. Ini Kerajaan Negeri punya kuasa. Kalau Kerajaan Negeri ini dapat mempertimbangkan saya rasa mereka harus mendesiminasikan kekayaan itu bukan kepada individu yang satu sahaja tetapi kepada lebih ramai rakyat supaya lebih ramai dapat merasai kueh kemerdekaan yang telah kita buat selama ini. Dan telah disentuh oleh Yang Berhormat itu juga bahawa penglibatan bumiputera dalam aktiviti industri perlombongan ini kurang. Jadi, memanglah kita menyedari hal ini tetapi selama ini kita telah menyalurkan penglibatan bumiputera ini melalui pengwujudan ataupun penubuhan corporation-corporation ataupun badan-badan semi-government ataupun agensi-agensi tertentu seperti M.M.C. yang ditubuhkan. Ini ialah untuk menentukan supaya bumiputera itu dapat melibatkan diri dalam industri ini dan pihak Kerajaan Negeri juga ada menubuhkan badan-badan tertentu, agensi-agensi tertentu supaya dapat hal bumiputera dalam industri perlombongan itu dijaga.

Misal kata di Selangor kita ada Peransang, SEDC dan sebagainya. Walaupun setakat ini memang kita belum puas hati akan penglibatan itu. Kita memang menggalakkan pada masa ini tetapi hakikatnya ialah pada masa ini harga timah masih merosot, kalau kita galakkan pun kita terpaksa fikir dua kali sama ada dapatkah tidak si bumiputera yang kita beri itu mendapat keuntungan. Kalau kita beri mereka akan mendapat kerugian maka yang rugi bukan hanya mereka tetapi Kerajaan yang rugi sebab yang diberi tidak akan dapat menjadi kaya, yang menerima pun terpaksa bertungkus lumus menentukan supaya apa yang ada itu dapat mengeluarkan hasil untuk mereka.

Kita berusaha melihat perkara ini dan dalam masa harga bijih timah begini merosot saya fikir kita terpaksa mengawal keadaan ini dan menentukan

supaya quota yang kita beri sekarang akan dapat diberi dengan adil dan bumiputera yang sudah ada sekarang akan dapat menjalankan dan mendapat keuntungan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada lagilah yang hendak saya sentuh mengenai perkara ini dan sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu luhur, ikhlas bercakap mengenai Rang Undang-undang ini dan sokongan yang begitu hangat dan begitu mengharukan adalah menjadi inspirasi kepada Kementerian untuk melaksanakan Rang Undang-undang ini dan menjalankannya.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TELEKOMUNIKASI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.50 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga Telekom dan Pos (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang

di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi tahun 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah dibuat dengan tujuan untuk meminda Seksyen 40 dan juga Seksyen 42 Akta Telekomunikasi tahun 1950.

Fasal 2 kepada Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Seksyen 40, Akta Telekomunikasi tahun 1950 untuk memberi kuasa kepada Menteri menetapkan sebagai tambahan kepada fee yang telah ditetapkan, sewa atau royalti yang kena dibayar oleh pemegang lesen di atas pemberian mana-mana lesen, manakala Fasal 3 pula bertujuan meminda Seksyen 42 untuk mengelak apa-apa kekeliruan yang mungkin timbul dari Sub-seksyen 2 berikutan dari pindaan-pindaan yang dibuat kepada Seksyen 40 itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi tahun 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.52 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian sedikit sahaja bagi meminda Suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi, 1950 yang dibentangkan dengan ringkas sahaja oleh Timbalan Menteri, yang mana untuk Fasal 2 dan Fasal 3 Rang Undang-undang ini juga meminta Dewan ini meluluskan Fasal-fasal dalam

Huraian ini sebagai tambahan kepada fee yang telah ditetapkan, sewa atau royalti yang kena dibayar oleh pemegang lesen di atas pemberian mana-mana lesen.

Jika dengan tujuan meminda Seksyen 42 untuk mengelakkan apa-apa ambiguiti yang mungkin timbul dari terus adanya sub-seksyen 2 dan sebagainya. Oleh itu tidak banyak hendak diperbincangkan soal ini, hanya saya beralih sedikit, rasa saya berhubung dengan telekomunikasi juga yang mana saya berharap negara kita, negara yang sedang membangun, industri-industri juga sedang membangun sama ada dalam bandar dan di luar bandar. Apa yang kita dapat rungutan-rungutan dari penguasa-penguasa dan juga bangunan-bangunan, kawasan-kawasan taman perumahan yang mana mereka ini merungut tidak dapat kemudahan-kemudahan telefon. Oleh itu dalam keadaan ini saya berharap kepada Kerajaan yang bertanggungjawab supaya dapat mempercepatkan dan memperbanyakkan, begitu juga memberi kemudahan-kemudahan sebagai mana yang saya katakan tadi supaya pengguna-pengguna telefon khasnya dalam negara kita ini tidak tergendala.

Umpamanya, ada satu-satu fekteri ataupun gudang, kadangkala gudang telah berjalan berbulan-bulan baru mendapatkan bekalan telefon. Ini menyusahkan mereka. Oleh itu, saya berharap supaya pihak Jabatan Telekom dan Kementerian ini dapat berusaha, tiap-tiap rancangan yang hendak dibuat itu hendaklah diselaras-kan sama iaitu kegunaan elektrik umpamanya disamakan juga, kegunaan air dan talian telefon diadakan serentak dengan rancangan-rancangan yang diadakan. Kerana kita tahu dengan adanya kegunaan telefon ini ada kemudahan-kemudahan ini dapat menolong, juga Kerajaan dapat menolong rakyat untuk menghubungi antara satu dengan lain, dan begitu juga menghubungi jikalau ada kecemasan-

kecemasan berlaku seperti kebakaran dan sebagainya dapat diadakan telefon di kawasan-kawasan tertentu.

Di samping itu, kita berharap supaya taman-taman ini juga dibekalkan di perkampung-kampungan yang pendalaman jikalau ada line dekat yang boleh disambung diadakan juga telefon-telefon awam ini bagi kegunaan rakyat kita di luar bandar, kerana mereka ini juga memerlukan telefon ini umpamanya isteri hendak bersalin, sakit, kemalangan dan sebagainya dapat membuat panggilan ke hospital, ambulan, Polis dan sebagainya.

Begitu juga dalam keadaan ini kita berharap dengan adanya kawasan-kawasan perumahan yang baru sekarang ini, ini juga dapat dibekalkan apabila kawasan-kawasan perumahan itu sedia telefon juga terus dimasukkan, supaya tidak menunggu-nunggu mereka ini, kadangkala mereka duduk di rumah yang lama ada telefon, apabila mereka duduk di rumah baru untuk mendapatkan telefon terlalu susah. Jikalau membuat permohonan, pihak-pihak di Jabatan Telekom mengatakan line tidak cukup, line tidak ada, bermacam-macam. Oleh itu dalam masalah ini kita harap tiap-tiap projek yang hendak dijalankan hendaklah dirundingkan sama ada pihak-pihak pemaju perumahan sama ada pihak yang mendirikan bangunan yang tinggi-tinggi ataupun pejabat-pejabat, industri-industri dapat berunding dengan pihak telekom bagi menyelesaikan masalah yang saya sebutkan tadi.

Oleh itu, dalam masalah ini, saya rasa itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya, sungguhpun rasa saya tidak termasuk dalam hal ini, tetapi saya sambungkan sedikit dalam mengambil kesempatan bagi meminda Akta Telekomunikasi 1950, dan dengan ini juga saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

5.57 ptg.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950.

Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat saudara saya tadi, tidak ada apa yang hendak kita bercakap berkenaan dengan Akta ini kerana cuma ada dua seksyen sahaja yang akan dipinda, tetapi Yang Berhormat kata tadi juga saya akan mengambil kesempatan dalam membahaskan Akta ini dalam masalah telekom ataupun telefon yang sering kita dengar pada masa ini boleh dikatakan di seluruh negara dalam Malaysia kita ini.

Yang pertamanya kerana permohonan telefon ini terlampau lewat, kadang-kadang sampai 3 - 4 tahun baru dapat bagi seorang pemohon memohon telefon untuk masuk di rumah atau sebagainya. Jadi perkara ini patut kita betulkan supaya masalah ini tidak timbul lagi pada masa-masa akan datang. Yang saya maksudkan di sini, kalaulah telekom ini masih lagi memakan masa untuk memasang telefon di rumah-rumah dan sebagainya, maka di sini terjejas pada keseluruhannya dalam masalah Kerajaan juga terutama sekali penduduk-penduduk di luar bandar kerana mengatakan Kerajaan kita ini tidak cekap, hendak pasang telefon pun sampai 5-6 tahun baru boleh dapat. Ini satu perkara yang patut kita ingatkan untuk kebaikan keseluruhannya bagi Kerajaan kita.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dan saya ingin Menteri yang berkenaan untuk menyiasat satu perkara yang timbul berlaku di negeri saya, negeri yang kecil iaitu negeri Perlis. Apa yang saya difahamkan telefon ini kesemua masyarakat, ia tidak kira kaya, miskin, dia kerja Kerajaankah, orang kampungkah kerana ini untuk kesemua seperti air dan api juga. Di negeri Perlis ini ada surat saya terima dan saya tidak tahu daripada mana datangnyanya surat itu

yang dihantar kepada pihak telekom dan surat itu menyatakan:

“Pengguni-penghuni di rumah awam Kerajaan tidak dibenarkan memasukkan telefon di rumah mereka
.....”

Jadi, apabila surat permohonan sampai daripada pihak-pihak penghuni rumah awam Kerajaan maka dengan sendirinya pihak Telekom, Jabatan Telekom Negeri Perlis menolak permohonan itu kerana ada satu surat yang menyatakan penghuni-penghuni daripada perumahan awam tidak dibenarkan masuk telefon. Ini saya minta Menteri yang berkenaan tolong siasat, tengok di mana datangnya surat ini. Ini sudahpun heboh di Negeri Perlis, terutama sekali di kalangan penghuni-penghuni perumahan awam Kerajaan. Ini menjejaskan sedikit Kerajaan kita, yang kenanya ialah Wakil-wakil Rakyat dan orang-orang parti yang mengatakan tidak ambil tindakan dan sebagainya. Jadi saya hendak dapat kepastian sendiri daripada Menteri yang berkenaan supaya siasat dan ambil tahu daripada mana datangnya surat itu. Bagi saya, saya hendak beritahu mungkin tidak tepat dan kita minta Menteri sendirilah menyasat perkara ini.

Sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat.

6.02 ptg.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak Abu Samah dan juga Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood kerana telah mengambil bahagian di dalam pembentangan Rang Undang-undang meminda Akta Telekomunikasi, 1950. Kedua-dua Yang

Berhormat telahpun menyentuh tentang perkembangan dan kemajuan telefon di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan di sini bahawa sejak negara kita wujud hingga sekarang negara kita cuma mempunyai 700,000 talian telefon. Ini amatlah berkurangan dengan kehendak-kehendak yang ada, malah keupayaan jentera-jentera dan peralatan-peralatan yang ada tidak mencukupi lagi bagi menanggung beban sebanyak 700,000 line ataupun lebih daripada itu, kerana itulah di masa-masa 'peak hour' selalu berlaku 'cross line', iaitu apabila kita bercakap dalam telefon maka kita dengar perbualan-perbualan dan percakapan telefon orang lain semasa kita bercakap dalam telefon dalam waktu-waktu yang ramai pelanggan menggunakan telefon. Ini semuanya membuktikan dan menunjukkan bahawa keupayaan alat-alat dan peralatan telekomunikasi kita sudahpun kurang mampu dan perlu dipertingkatkan lagi bagi menghadapi pertambahan-pertambahan pelanggan dan talian telefon bagi negara kita.

Bagi memenuhi kehendak yang begitu meningkat di negara kita ini, baik pelanggan dari bandar ataupun luar bandar, maka Kerajaan telahpun menetapkan bahawa 700,000 lines ini yang selama ini sebanyak itu sahaja akan ditambahkan 100% dalam masa yang pendek, iaitu menjelang penghujung tahun 1985. Tambahan 700,000 line lagi akan dibuat, iaitu 100% tambahan line untuk dilaksanakan dalam masa lebih kurang 2 tahun. Insya Allah, menjelang penghujung tahun 1985 dengan pertambahan 700,000 lagi line telefon bagi seluruh negara kita ini maka soal cross line, soal hendak menunggu memohon telefon sampai setahun tak dapat, cerita-cerita ini akan menjadi cerita-cerita usang dalam sejarah, malah akan berlaku keadaan yang terbalik pula, iaitu Jabatan Telekom akan mencari pelanggan-pelanggan kerana lebih banyak talian daripada yang memohon pada penghujung tahun 1985.

Timbalan Yang di-Pertua: Insyallah. (*Ketawa*)

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Insyallah. Untuk ini, maka Kerajaan akan membelanjakan wang sebanyak \$1.6 bilion, iaitu \$1,600 juta akan dibelanjakan dalam masa 2 tahun ini bagi melaksanakan target dan cita-cita tersebut dan insyallah, saya yakin Kementerian saya akan mampu untuk melaksanakan tugas yang berat ini. Cuma saya mohon sedikit toleransi daripada orang ramai, pihak awam, iaitu semasa kerja-kerja mempertingkatkan mutu telekomunikasi kita ini maka terpaksa jalan-jalan dikorek, lebih-lebih lagi di jalan-jalan yang sebok dengan lalu-lintas, maka akan timbullah sedikit kesusahan kepada mereka yang banyak dan lazim menggunakan jalan-jalan raya. Jadi saya memohon maaf terlebih dahulu daripada pihak awak kerana tidak dapat hendak dielakkan daripada berlaku kesesakan jalan raya apabila kabel-kabel baru ditanamkan, maka terpaksa lubang-lubang dikorek, dikambus semula, maka ini sudah pasti akan menimbulkan kerumitan, kesusahan dan kepayahan kepada pengguna-pengguna jalan raya yang berkenaan dan banyak jalan-jalan raya yang terpaksa dikorek dan dibuat kerja-kerja bagi menyediakan kabel-kabel yang perlu dibuat bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan telekomunikasi kita.

Dengan toleransi dan tolak ansur pihak awam, insyallah pada tahun 1985, sepertimana yang telah saya nyatakan tadi dan mungkin awal tahun 1986, maka menjadi satu perkara yang ganjil, iaitu Jabatan Telekom pula akan mengejar pihak awam untuk menyewa, mengadakan talian-talian di rumah-rumah mereka kerana pada waktu itu kita pastikan, kita rangkakan, insyallah, lebih banyak talian telefon daripada pesanan (demand) daripada pihak awam.

Satu lagi perkembangan yang menarik dalam perkara ini ialah satu

teknologi komunikasi baru yang sedang diperolehi oleh negara kita ini, iaitu sistem apa yang dikatakan ATUR (Automatic Telephone Using Radio). Sistem ATUR ini, sepertimana nama sistemnya, tidak menggunakan line, wire lagi, iaitu menggunakan radio. Dengan hal yang demikian, maka kawasan-kawasan pendalaman, kawasan yang jauh ke dalam dan industri-industri yang berada jauh di dalam kawasan pendalaman akan dapat dibekalkan dengan telefon menggunakan teknologi yang termoden ini, tetapi pemasangan teknologi moden ini memerlukan masa dan terpaksa dibuat peringkat demi peringkat.

Satu perjanjian sudahpun dimeterikan di antara Kementerian/Kerajaan dengan pihak swasta yang akan membekalkan teknologi baru ini dan insyallah, apabila seluruh negara kita sudah diliputi oleh teknologi moden ini maka kita akan dapat menyampaikan khidmat telefon di mana-mana sahaja tempat di negara kita ini tanpa menggunakan wire. Sepertimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, sekarang ini kawasan-kawasan jauh, kawasan-kawasan pendalaman tidak dapat kita hendak memberi bekalan telefon kerana pemasangan line, wire dan sebagainya begitu tinggi harganya (kosnya), maka tidak dapat diberi perkhidmatan telefon oleh sebab perbelanjaan yang begitu besar dan pengguna yang begitu terhad, kecil. Tetapi melalui sistem dan teknologi baru ini di mana kita tidak perlu lagi menaruhkan tiang-tiang dan wire-wire, cuma menggunakan radio, maka kawasan-kawasan pendalaman industri-industri yang jauh di dalam, seperti industri yang berasaskan kepada kayu-kayan – kayu balak dan sebagainya akan dapat kita bekalkan dengan khidmat telefon ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Tahun berapa pula itu?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tahun ini, belum dapat saya pastikan tetapi kerja-kerja permulaan pemasangan teknologi

ini, insya Allah akan dimulakan tahun ini kerana untuk permulaan terpaksa satu ujian dibuat kerana sistem teknologi moden ini menggunakan radio wave dan negara kita ini secara kebetulan banyak gunung-ganang dan sebagainya, jadi kita sedang mengkaji sama ada sistem ini boleh dipergunakan ataupun kemungkinan bukit-bukau, gunung-ganang ini menjejaskan kegunaan radio wave ini.

Walau bagaimanapun, ujian yang kita telah buat beberapa bulan yang lalu menunjukkan bahawa datar, dengan izin, keadaan physical negara kita ini tidak menjejaskan penggunaan teknologi moden ini dan insya Allah rasa saya dalam masa dua tahun atau lebih daripada masa itu dapatlah kita menggunakan sistem ATUR dan sistem ATUR ini akan kita jadikan sebahagian daripada sistem telekomunikasi kita bagi seluruh negara. Ia akan merupakan sebahagian daripada sistem telekomunikasi bagi seluruh negara. Dengan hal yang demikian, maka telefon dapat diletakkan dalam kereta menggunakan alat ini dan daripada kereta yang berjalan boleh kita menghubungkan di mana-mana sahaja tempat di seluruh negara kita, malah kita boleh menelefon dalam kereta kita yang sedang berjalan, menelefon ke luar negara. Itulah kemuncak kepada sistem ATUR ini di mana ianya akan dilekatkan, disamakan dengan sistem network yang ada dan dengan itu maka potensi sistem moden yang menggunakan radio wave ini dan tidak menggunakan wire sepertimana yang ada sekarang ini akan membuka suatu lembaran baru dari segi telekomunikasi negara kita ini. Cuma dua tiga negara sahaja yang telah menggunakan teknologi moden ini dan negara kita merupakan negara yang keenam dalam dunia ini yang telah memperolehi teknologi ini yang sedang akan dilengkapi dan insya Allah akan dapat digunakan secara terhad sahaja dalam beberapa kawasan untuk permulaan, mungkin pada penghujung tahun ini, insya Allah. Itu bagi memberi gambaran yang menarik dan saya harap

memuaskan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Razak dan Yang Berhormat Senator Tuan Fadzil bin Mahmood.

Satu perkara lagi yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Fadzil bin Mahmood ialah berhubung dengan surat edaran yang telah diedarkan berhubung dengan penghuni-penghuni rumah awam tidak boleh memasang telefon atau memasukkan telefon. Ini adalah suatu perkara yang baru yang saya tak tahu dan saya terperanjat mendengarnya. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Fadzil bin Mahmood kerana telah membawa perkara ini ke pengetahuan saya dan saya mengucapkan tahniah kepada beliau kerana telah menyampaikan masalah rakyat kepada saya melalui Dewan yang mulia ini. Insya Allah, saya akan membuat siasatan dengan segera dan akan memberitahu kepada Yang Berhormat Senator apakah hasil siasatan yang saya akan buat dengan seberapa cepat yang boleh dan saya akan siasat perkara ini dengan seberapa cepat yang boleh. Maka sekali lagi saya ucapkan berrbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Abdul Razak dan juga Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TABUNG PERTAHANAN NEGARA (PEMBUBARAN DAN PEMINDAHAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.15 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membentangkan Rang Undang-undang Akta Tabung Pertahanan Negara (Pembubaran dan Pemindahan) 1984 bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi membubarkan Tabung Pertahanan Negara dan bagi memindahkan semua harta dan tanggungjawab kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan kepadanya atau berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Tabung Pertahanan Negara (Pembubaran dan Pemindahan) 1984 adalah bertujuan untuk membubarkan Tabung Pertahanan Negara dan memindahkan semua harta dan tanggungannya kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara, dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara bersampingan kepadanya atau berkaitan dengannya dengan tujuan percantuman di antara kedua-dua Tabung itu.

Kemudiannya tindakan susulan secara pentadbiran akan diambil oleh pihak Pemegang Amanah Raya yang menguruskan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara untuk menyatukan kedua-dua Tabung itu dan Tabung yang baharu itu akan dinamakan Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Pertahanan Negara yang telah dilancarkan oleh Kerajaan pada bulan Oktober tahun 1964 adalah bertujuan untuk membantu Kerajaan dalam pertahanan negara semasa konfrantasi dahulu. Mengikut arahan Amanah yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia, wang yang diperuntukkan dalam tabung ini hendaklah digunakan dalam Tabung ini hendaklah digunakan untuk tujuan tersebut.

Tujuan ini merupakan tujuan yang berterusan tanpa sebarang kemungkinan yang Tabung ini perlu ditutup dan dicantumkan dengan lain-lain Tabung.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tabung Pertahanan Negara kini telah didapati melewati objektif asalnya dan mempunyai objektif yang sama dengan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara yang dikendalikan oleh pihak Pemegang Amanah Raya iaitu memberi bantuan kepada anggota-anggota pasukan keselamatan yang tercedera atau ahli-ahli keluarga mereka yang terkorban dalam operasi keselamatan, maka Kerajaan telah memikirkan adalah wajar Tabung Pertahanan Negara itu ditutup dan segala harta serta liabilitinya dipindahkan kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara. Bagi tujuan itu maka kelulusan Dewan yang mulia ini adalah diperlukan.

Memandangkan Tabung Pertahanan Negara ini adalah dikendalikan di dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan, sementara Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara pula diuruskan di luar dari Kumpulan Wang Yang Disatukan. Sehingga 4hb Februari, 1984 jumlah harta Tabung Pertahanan Negara yang telah

dioditkan yang akan dipindahkan kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara itu ialah sebanyak \$8,425 501.91 sen.

Langkah untuk mengadakan hanya satu tabung yang dikelolakan oleh Kerajaan bagi membantu anggota-anggota Pasukan Keselamatan yang tercedera atau ahli keluarga mereka yang terkorban dalam operasi keselamatan, bukan sahaja akan melicinkan lagi hal-hal pengurusan malah akan mengelakkan timbulnya kekeliruan di kalangan orang ramai dari segi membuat pendermaan sebagai menyahut rayuan Kerajaan. Keadaan kekeliruan ini boleh bertambah memandangkan selain daripada kedua-dua Tabung Pertahanan Negara dan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara, ada sebuah lagi tabung iaitu Tabung Rayuan Hari Pahlawan.

Biarlah saya jelaskan di sini bahawa Tabung Rayuan Hari Pahlawan itu ialah di bawah anjuran dan kelolaan Persatuan Bekas-bekas Perajurit. Tujuan Tabung ini adalah sama dengan kedua-dua tabung tersebut iaitu memberi bantuan kepada bekas anggota-anggota pasukan keselamatan tetapi bantuan yang diberikan daripada Tabung ini hanyalah khas untuk bekas-belas perajurit sahaja iaitu tidak termasuk bekas pasukan anggota Polis.

Punca kewangan Tabung ini sedikit sebanyak juga bergantung kepada sumbangan orang ramai, biasanya menerusi rayuan Hari Pahlawan yang diadakan pada tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan objektif ketiga-tiga Tabung ini adalah lebih kurang sama dan kadangkala cara mendapatkan wang untuk mengisi Tabung ini adalah juga menerusi kegiatan-kegiatan yang hampir serupa, maka difikirkan baik dan wajar sekurang-kurangnya kedua-dua Tabung yang dikelolakan oleh ejensi-ejensi Kerajaan iaitu Tabung Pertahanan Negara dan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara digabungkan menjadi satu supaya pengurusan-

nya dapat dijalankan dengan lebih cekap dan sedikit sebanyak ia boleh menolong menghapuskan sebarang kekeliruan dan perasaan bosan di kalangan penderma-penderma kepada Tabung-tabung ini.

Tambahan lagi, buat masa ini kedua-dua tabung ini diketuai oleh Pengerusi yang sama iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sungguhpun masing-masing mempunyai Lembaga Pengurus dan Jawatankuasa yang tersendiri tetapi yang penting di sini ialah kedua-duanya mempunyai objektif yang sama.

Jadi, langkah untuk menyatukan kedua-dua Tabung ini adalah satu langkah yang wajar. Dengan hanya mempunyai satu Tabung yang dikendalikan oleh Ejensi Kerajaan bagi membantu anggota-anggota pasukan keselamatan yang tercedera dan keluarga mereka yang terkorban maka kegiatan-kegiatan untuk menambahkan harta Tabung itu akan dapat dipertingkatkan. Adalah dijangka peluang kejayaan dalam semua kegiatan ini akan menjadi lebih cerah berbanding dengan keadaan jika ianya dijalankan secara berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada pertimbangan serta faktor-faktor yang saya sebutkan tadi, maka keputusan telah dibuat supaya kedua-dua Tabung Pertahanan Negara dan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara disatukan. Penyatuan kedua-dua Tabung ini tidak akan menimbulkan sebarang masalah dari segi pelaksanaan matlamat asalnya. Malah ia akan membawa kepada kebaikan jua.

Untuk melaksanakan tujuan ini maka Tabung Pertahanan Negara perlulah dibubarkan dan semua harta dan tanggungannya dipindahkan kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara. Oleh itu, Rang Undang-undang berbunyi Akta Tabung Pertahanan Negara (Pembubaran dan Pemindahan) 1984 ini adalah dibentangkan untuk kelulusan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk membubarkan Tabung Pertahanan Negara dan bagi memindahkan semua harta dan liabilitinya kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara, dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan kepadanya atau berkaitan dengannya, dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah.

6.25 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk memberi sedikit pandangan dalam Suatu Akta bagi membubarkan Tabung Pertahanan Negara dan bagi memindahkan semua harta dan liabilitinya kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan kepadanya atau berkaitan dengannya.

Saya rasa tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap kerana tidak ada balasan daripada Yang Berhormat Menteri untuk telah memberi ulasan di Dewan yang mulia ini. Oleh itu saya mengambil sedikit iaitu saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah serta syabas di atas daya usaha yang dijalankan oleh Kementerian bagi menubuhkan satu Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara yang disatukan sebagaimana yang diterangkan tadi.

Kita tahu dalam keadaan negara kita sejak dahulu lagi, sejak peperangan

berlaku, masa darurat berlaku dan selepas itu tambakan, pembunuhan dilakukan ke atas perajurit-perajurit kita dan juga kepada pihak-pihak Polis yang telah ditembak oleh perompak-perompak dan sebagainya. Selepas kematian mereka ini, mereka meninggalkan anak dan isteri, malahan mereka ini meninggalkan anak kadangkala sampai 8, 9, 10 kerana benihnya baik rasa saya, mereka meninggalkan zuriat yang banyak.

Dalam keadaan ini kita melihat, membaca dalam suratkhbar dan kita membaca kadang-kadangkala kita menitiskan air mata, bagaimana keadaan isteri-isteri ataupun ibu-ibu dan bapa-bapa yang kehilangan anak ataupun isteri kehilangan suami atau anak kehilangan ayah yang mana masuk dalam suratkhbar meminta derma itu, meminta derma ini, macam kita minta sedekah. Padahal mereka ini mengorbankan nyawa mereka, untuk mempertahankan negara dari serangan musuh sama ada dari dalam dan luar.

Maka pengorbanan-pengorbanan ini kadangkala tidak mendapat penghormatan, hanya sekejap sahaja, bak kata orang kuburnya belum habis lagi, tanahnya merah lagi, orang telah lupakan. Oleh itu dengan adanya Tabung ini rasa saya dapatlah pihak Kerajaan memberi bantuan kepada yang tinggal sama ada anak, isteri ataupun ibu dan bapa mendapat imbuhan-imbuhan sedikit daripada Tabung yang ada ini.

Kita haraplah derma-derma ataupun bantuan-bantuan yang diberi kepada yang terlibat janganlah hanya sebagai melepas batuk di tangga sahaja. Umpamanya, sekarang ini seseorang yang meninggal dan menjalankan tugas sama ada kena tembak, ataupun jatuh daripada lori ataupun cacat dan sebagainya hanya tidak silap saya kita tengok dalam suratkhbar pegawai-pegawai yang bertugas, menteri-menteri kadang-kadang menyampaikan cek \$10 ribu. Apa yang hendak dibuat dengan \$10 ribu pada masa ini, sedangkan

hendak beli rumah flet pun tidak dapat, hendak mendirikan rumah di tanah tanpa izin pun tidak dapat \$10 ribu.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok. Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat sampai di situ sahaja, saya boleh habiskan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Saya ingin menyambung sedikit

esok, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 17hb. April, 1984. 1984.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.